

"IAITU beberapa hari yang tertentu. Maka sesiapa antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dia berbuka) itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Tetapi sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih daripada yang ditentukan itu maka adalah suatu kebaikan baginya dan walaupun demikian berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada membayar fidyah, jika kamu mengetahuinya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 184.

Bacaan Yaa Siin, Tahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan

Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

>> Muka 3

MEMPERKASA INFRASTRUKTUR SUKAN NEGARA, MENYOKONG PEMBANGUNAN ATLET

Oleh : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Pembangunan prasarana sukan merupakan satu aspek utama untuk memastikan Negara Brunei Darussalam terus maju dan kompetitif dalam arena sukan serantau dan antarabangsa.

Strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) memfokuskan kepada memantapkan ekosistem sukan yang inklusif, mudah diakses, moden dan berdaya saing selaras dengan amalan terbaik antarabangsa serta mempunyai impak sosial yang positif kepada masyarakat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menyatakan perkara itu semasa menjawab

persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat mengenai perancangan KKBS untuk membina prasarana sukan yang bertaraf antarabangsa sebagai persediaan negara menganjurkan sukan-sukan di peringkat antarabangsa mahupun serantau.

"Langkah utama dalam strategi ini melibatkan penambahbaikan kemudahan latihan dan pertandingan untuk menyokong kemajuan atlet ke tahap yang lebih tinggi. Secara dasarnya, penambahbaikan, pendekatan penambahbaikan dan penaiktarafan akan dilaksanakan secara berfasa dan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan pelaburan jangka panjang, *viability*, keselamatan serta peruntukan yang terancang dan berhemah.

>> Muka 5



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menjawab persoalan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



Berita Utama



MASJID Az-Zakireen Meragang anjur Majlis Bertadarus

Muka 12



BERI pendedahan praktikal peranan, etika pengamal undang-undang

Muka 16

Kadar kepatuhan meningkat pada tahun 2024

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Kadar kepatuhan peniaga ke atas Akta Kawalan Harga, Penggal 142 merekodkan peningkatan dalam tiga tahun kebelakangan dengan kadar kepatuhan sebanyak 98 peratus pada tahun 2024. Ini selaras dengan jumlah pengeluaran kompaun yang menurun, di mana Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mencatatkan sebanyak 19 kompaun pada tahun 2024 berbanding 49 dan 63 kompaun masing-masing pada tahun 2023 dan 2022.

>> Muka 17

Membanteras rasuah amanah setiap warga Perkhidmatan Awam

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Di bawah Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131) dan juga Kanun Hukuman Jenayah (Bab 22), di mana kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan berhubung dengan integriti (salah kuasa) dan rasuah membawa hukuman yang berat, iaitu adakalanya sehingga denda sebanyak BND30,000 dan penjara selama tujuh tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff menyatakan perkara tersebut semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dalam sesi pertanyaan pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.



Terdahulu ketika menjawab soalan tersebut, Yang Berhormat telah mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baharu 2008 Masihi, di mana baginda bertitah, "...*Jangan anggap rasuah kecil tidak mengapa. Tetapi ingatlah akan risikonya. Kecil atau besar, sedikit atau banyak adalah sama-sama bernama penyakit yang boleh menjejaskan negara. Negara yang karam dengan rasuah adalah negara yang malang...*"

Dari segi inti pati titah tersebut, jelas Yang Berhormat, kelakuan rasuah dalam apa jua bentuk dan tidak kira jumlah yang disangkut paut adalah jenayah yang perlu dipandang serius dan jika tidak ditangani boleh menjejaskan keselamatan negara.

>> Muka 4



OPERASI Sepadu temui barang tegahan

Muka 18



KEKAL produktif ketika berpuasa

Muka 20

MEMANFAATKAN PELUANG DI BULAN RAMADAN YANG CUMA DIDAPAT SEKALI DALAM SETAHUN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Menyambut Awal Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih di Istana Nurul Iman.

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina

Muhammaddin, Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

RAKYAT beta yang beragama Islam yang beta kasihi, marilah kita bersama-sama mengalu-alukan kehadiran Ramadan. Ramadan adalah

penghulu segala bulan. Darjatnya sangat tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Di dalamnya Al-Quran diturunkan.

Kelebihan Ramadan sangat istimewa, sebagaimana hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memberitahu, di antaranya Baginda bersabda, maksudnya :

"Bulan Ramadan ke bulan Ramadan, hari Jumaat ke hari Jumaat, dan satu sembahyang ke sembahyang yang lain adalah penebus dosa di antara keduanya, selama mana segala dosa besar dijauhi".

Bersabda lagi Baginda, maksudnya :
"Bulan Ramadan adalah bulan sabar dan ganjaran dari kesabaran itu adalah masuk syurga".

Seterusnya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda lagi, maksudnya :
"Awal Ramadan ialah rahmat, di tengah-tengahnya pengampunan dan di akhirnya bebas dari api neraka".

Dengan mengetahui kelebihan-kelebihan ini, semua kita, tentu sahaja akan bertambah sayang kepada Ramadan dan tanda sayang kita itu, kita akan menghiasinya dengan ibadat-ibadat, selain ibadat puasa sendiri.

Terdapat riwayat menyebut, bahawa semua pintu langit dan pintu syurga dibuka pada bulan Ramadan, manakala pintu-pintu neraka pula ditutup dan semua iblis serta syaitan dirantai, supaya mereka tidak dapat mengacau kita umat Islam yang sedang berpuasa.

Riwayat lain juga menyebut bahawa siapa yang menghampiri diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dengan satu sembahyang dalam bulan Ramadan, adalah sama imbangannya dengan 70 sembahyang pada lain-lain bulan. Dan satu sembahyang sunat, sama imbangannya dengan satu

sembahyang fardu.

Demikian, hebatnya kelebihan Ramadan. Oleh itu, beta berharap, kita umat Islam, janganlah mengabaikan kelebihan ini dan memanfaatkan peluang yang cuma didapat, sekali sahaja dalam setahun dengan melakukan ibadat-ibadat seperti bertadarus Al-Quran, Sembahyang Tarawih, qiamullail, sedekah dan lain-lain.

Menyentuh mengenai ibadat qiamullail, iaitu amalan sunat yang dikerjakan pada waktu malam bagi merapatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Pada hemat beta, kita selaku umat Islam perlu terus berusaha untuk menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan melalui amalan qiamullail yang dilakukan secara bersendirian atau berjemaah sama ada dengan keluarga masing-masing atau di masjid dan surau. Dalam hal ini, beta amat menghargai usaha berterusan oleh pihak-pihak berkenaan untuk mengadakan ibadat qiamullail secara berjemaah di masjid-masjid, di surau-suru di seluruh negara, lebih-lebih lagi pada 10 malam terakhir di bulan Ramadan.

Terutama yang mahu dipelihara ialah ibadat puasa sendiri. Sebulan penuh juga puasa kita diterima.

Bagaimanakah caranya untuk puasa diterima?

Berkata ulama : "Janganlah membuat dosa dan hindari segala perkara yang boleh merosakkan puasa," sebagaimana peringatan telah diberikan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Maksudnya :

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASHIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	RABU	4	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42
6	KHAMIS	5	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.47	6.33	7.42
7	JUMAAT	6	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
8	SABTU	7	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
9	AHAD	8	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
10	ISNIN	9	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33	7.42
11	SELASA	10	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.44	6.32	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
Pekan Bangar	31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
Pekan Tutong	31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
Kuala Belait	31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 5 MAC 2025

Raih keuntungan Ramadan melalui sedekah

KEDATANGAN bulan Ramadan setiap tahun menjadi penghibur hati umat Islam untuk melakukan amal ibadah kerana beribu keutamaan ditawarkan pada bulan ini. Allah Subhanahu Wata'ala menghidangkan kita dengan seribu satu kebaikan untuk kita meraih pahala berlipat kali ganda.

Bagi yang berkesempatan berada di bulan Ramadan, ia merupakan peluang untuk kita beribadah dengan penuh keimanan dan sentiasa mengharapkan pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala kerana ganjaran besar berupa pengampunan dosa bagi mereka yang beribadah bersungguh-sungguh di bulan yang mulia ini.

Sudah setentunya di sepanjang bulan Ramadan, umat Islam tidak akan melepaskan peluang beribadah mengharapkan rahmat juga keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Di samping kita taat menjalani ibadah puasa, kita juga digalakkan melakukan amalan-amalan sunat.

Salah satu pintu yang dibuka oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk meraih keuntungan besar pada bulan Ramadan adalah melalui sedekah. Amalan menghidupkan Ramadan dalam memperbanyakkan sedekah di bulan yang mulia ini adalah sangat dituntut kerana Islam sering menggalakkan umatnya untuk banyak bersedekah.

Melalui amalan bersedekah, kita semestinya tidak mengharapkan sebarang pembalasan. Jika mengamalkan sedekah semata-mata hanya kerana Allah Subhanahu Wata'ala bukan kerana hal lain, maka insyaaAllah, Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas bukan hanya dengan pahala sahaja tetapi juga akan dikurniakan rezeki yang banyak.

Allah Subhanahu Wata'ala benar-benar memuliakan orang-orang yang bersedekah. Ia menjanjikan banyak keutamaan dan balasan menakjubkan bagi orang-orang yang gemar bersedekah.

Antara keutamaan yang dijanjikan bagi yang gemar bersedekah ialah dapat menghapus dosa, memperoleh naungan di hari akhir, memberi keberkahan kepada harta, juga Allah akan melipatgandakan pahala mereka, di samping terdapat pintu syurga yang hanya dapat dimasuki oleh orang yang bersedekah.

Selain itu, sedekah akan menjadi bukti keimanan seseorang; membebaskan daripada seksa kubur; mencegah pedagang melakukan maksiat dalam jual beli dan berasa dada lapang juga hati yang bahagia.

Begitu indahnya ajaran Islam yang menggalakkan umatnya bersedekah bagi mendapatkan ganjaran pahala yang besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Apa yang penting adalah sikap dan niat kita haruslah menjurus kepada keikhlasan hati hanya kerana Allah Subhanahu Wata'ala. – **Ketua Penyuntingan (ZK)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BACAAN YAA SIIN, TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir bagi mengetuai rombongan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Hadir bagi mengetuai rombongan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah. Bacaan Surah Yaa Siin dibacakan oleh Timbalan Mufti

Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin, diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Mufti (Buhuth), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Maznan bin Haji Yusof.

Manakala Doa Tahlil dan Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Ketua Hakim Syarie,

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Majlis merupakan antara acara keagamaan tahunan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, yang dikelolakan oleh Pejabat Media-Info dan Pejabat Antarabangsa, dengan kerjasama Jabatan Adat Istiadat Negara

dan Biro Mencegah Rasuah selaku Pengendali Bersama bagi acara tahun ini.

Juga hadir ialah jemputan-jemputan khas, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap serta para pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan - jabatan di bawahnya.

Warga JPM, JPI semarakkan Tadarus di Istana Nurul Iman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir pada Majlis Tadarus pada malam ketiga sempena menyambut Ramadan Al-Mubarak (kir). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis yang diadakan di Istana Nurul Iman.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu dan Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin serta Setiausaha - setiausaha Tetap dan Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Acara bertadarus dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dikepalai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran bin Haji Kunchang yang kemudiannya juga membacakan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dan

Negara Brunei Darussalam.

Tazkirah bertajuk 'Fadilat Surah Al-Fatihah' turut menyerikan lagi acara berkenaan, masing-masing disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhammad Yusri bin Abd. Majid bagi jemaah lelaki dan penceramah PDI, Dayang Norhayati binti Abd. Rahman di ruangan lain jemaah perempuan.

Awang Muhammad Yusri dalam tazkirahnya antara lain menerangkan bahawa Surah Al-Fatihah diturunkan sebelum peristiwa hijrah dan ia merupakan surah yang agung dan inti pati kitab suci Al-Quran.

Ia tidak pernah diturunkan kepada nabi-nabi terdahulu sebelum Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Keistimewaan surah ummul kitab itu juga pernah ditekankan oleh Rasulullah kepada para sahabat untuk tidak sekali-kali melupakan surah tersebut.

Allah Subhanahu Wata'ala memberikan nama Surah Al-Fatihah itu adalah As-Solah kerana apabila surah tersebut dibacakan ia seperti berdialog bersama Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdahulu, Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran. Kemudian, Sembahyang Sunat Tarawih pula diimamkan oleh Pengiran Haji Khairul Ikhwan bin Pengiran Haji Alit.

Para jemputan juga berpeluang menyertai acara Tadarus selain memperdengarkan bacaan ayat suci Al-Quran daripada pembaca-pembaca khas dengan mengharap ganjaran pahala berlipat ganda di bulan suci Al-Mubarak ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Istana Nurul Iman terus diimarahkan dengan Majlis Tadarus pada malam ketiga sempena menyambut Ramadan Al-Mubarak dengan kehadiran kira-kira 800 orang di kedua tempat secara berasingan, malam tadi.

Jumlah berkenaan terdiri daripada 700 warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) iaitu 490 lelaki dan 210 perempuan, 80 pegawai dan guru agama Jabatan Pengajian Islam (JPI) iaitu 50 lelaki dan 30 perempuan serta 20 pembaca khas iaitu 10 lelaki dan 10 perempuan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat



HASRAT NEGARA

>> Muka 2

"Puasa itu adalah pendinding. Maka manakala seorang kamu berpuasa, hendaklah dia tidak bercakap kotor, tidak berlaku jahat (fasik), dan tidak berpura-pura jahil terhadap hukum. Jika orang mencercanya atau mengajaknya berkelahi, maka hendaklah ia berkata : Sesungguhnya aku sedang berpuasa".

Selain daripada bercakap kotor dan berkelahi boleh merosakkan puasa, beta melihat yang turut mustahak juga dijaga ialah hal ehwal pemakanan. Menjaga pemakanan ini sangatlah penting supaya ia bersih dan halal, bukan tercemar oleh unsur haram atau syubhah. Ugama Islam juga sangat mementingkan kesihatan dan di antara langkah paling berkesan untuk mengekalkan kesihatan ialah melalui pemakanan. Walaupun pemakanan dalam bulan puasa sering didapati pelbagai atau beraneka, kita selaku umat Islam perlu mengelak pembaziran dan makan minum yang berlebih-lebihan dengan mengikut kaedah yang dituntut dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu sukatan : sepertiga untuk makanan, sepertiga lagi untuk minuman dan sepertiga pula untuk bernafas. Jika badan sihat, semua aktiviti peribadatan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan kita dapat sama-sama meraih kelebihan pada bulan yang penuh keberkatan ini.

Akhirnya, beta dan keluarga beta dengan amat sukacita mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana saja mereka berada.

Semoga kita semua sama-sama dapat melaksanakan ibadat puasa dalam keadaan sihat dan sejahtera. Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



Memperkukuh, kemas kini perkhidmatan, rawatan, pemulihan Pusat Al-Islah



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II.

BANDAR SERI BEAWAN, Selasa, 4 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata bahawa JPM sentiasa memberikan perhatian khas kepada usaha-usaha Pusat Al-Islah dalam memberikan khidmat rawatan dan pemulihan residen-residen di Pusat Al-Islah.

Dalam hal ini, tambah Yang Berhormat, Biro Kawalan Narkotik (BKN) menitikberatkan penyediaan pelbagai program dan perkhidmatan di bawah *therapeutic community* bagi membantu residen untuk mengekalkan kepulihan mereka dengan turut melibatkan keluarga residen dalam program pemulihan tersebut.

"Sebagai salah satu usaha untuk membantu proses reintegrasi residen Pusat Al-Islah sebelum kembali sepenuhnya ke pangkuan keluarga dan masyarakat, BKN telah memperkenalkan Skim Pelepasan Sementara (SPS) bagi mempersiapkan diri mereka.

"Melalui Program SPS residen

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

ini yang menunjukkan perkembangan positif dalam program pemulihan akan diberi peluang untuk pulang ke rumah keluarga masing-masing pada hujung minggu dan seterusnya mengikuti penempatan kerja seperti di syarikat-syarikat swasta dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), melanjutkan pembelajaran di Pusat Pembangunan Belia (PPB) atau melibatkan diri dalam aktiviti dan perkhidmatan komuniti," ujar Yang Berhormat menjawab persoalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Selain itu, tambah Yang Berhormat lagi Jawatankuasa Penasihat Pusat Al-Islah yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, mempunyai peranan untuk mengenal pasti peluang-peluang pekerjaan bagi residen di bawah Program SPS dan seterusnya meningkatkan kemahiran dan keupayaan para residen sebelum mereka dapat kembali ke pangkuan masyarakat.

Setelah dibebaskan dari Pusat Al-Islah, ujar Yang Berhormat, lepasan residen juga akan dipantau melalui skim pengawasan dalam mana mereka akan menjalani program dan aktiviti di bahagian pengawasan yang tertumpu kepada

pengukuhan jati diri.

"Skim pengawasan memainkan peranan penting dalam memberikan perkhidmatan dan program pasca rawatan dan pemulihan dadah dalam membantu mereka menyesuaikan diri dalam kehidupan masyarakat agar mereka dapat menuju ke arah pemulihan yang berkekalan.

"Dengan adanya program-program seperti SPS dan skim pengawasan, pihak BKN telah mencatat penurunan dalam jumlah kes kemasukan semula atau *relapse* dalam kalangan residen di Pusat Al-Islah, iaitu penurunan sebanyak 35 peratus daripada 17 kes pada tahun 2021 menjadi 11 kes pada tahun 2024," terang Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai cadangan untuk memberikan dana kepada residen Pusat Al-Islah agar mereka dapat berhenti daripada terus melakukan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan dadah.

Untuk makluman, jelas Yang Berhormat, Pusat Al-Islah telah diberikan peruntukan dana hampir BND3.5 juta bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025 dan adalah dinilai bahawa jumlah tersebut lebih sesuai untuk digunakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti seperti program rawatan dan pemulihan untuk residen Pusat Al-Islah.

Walau bagaimanapun, tegas Yang Berhormat, JPM mengalu-alukan sebarang bantuan dan sumbangan tambahan yang dapat diberikan kepada Pusat Al-Islah agar mereka dapat mengukuhkan lebih banyak program untuk membantu residen-residen yang

sedang menjalani proses rawatan dan pemulihan.

"JPM juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak-pihak yang telah memberikan sumbangan ikhlas bagi menjayakan aktiviti-aktiviti Pusat Al-Islah di sepanjang tahun 2020, 2021 dan 2024.

"Seterusnya Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Bank Islam Brunei Darussalam. JPM juga ingin menyeru pihak-pihak yang berkenaan termasuk NGOs dan Government Linked Companies (GLC) untuk sama-sama memberikan sumbangan dari segi dana dan peluang - peluang seperti *apprenticeship* untuk meningkatkan kemahiran dan pengalaman residen-residen Pusat Al-Islah agar mereka dapat mencari peluang pekerjaan setelah mereka selesai menjalani program pemulihan nanti," jelas Yang Berhormat.

JPM penuh percaya bahawa sumbangan seperti ini bukan sahaja akan memberikan manfaat kepada individu yang terlibat tetapi juga kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya dalam usaha mencapai kemakmuran dan kesejahteraan bersama.

Dalam hubungan ini, ujar Yang Berhormat, BKN akan sentiasa berusaha untuk mengukuhkan dan mengemas kini perkhidmatan rawatan dan pemulihan di Pusat Al-Islah selaras dengan piawaian antarabangsa. Ke arah itu, BKN sedang menerokai penambahbaikan mengikut keperluan trend terkini dadah dan juga kesesuaian budaya Negara Brunei Darussalam dari semasa ke semasa.

"Secara keseluruhan perjalanan menuju pemulihan dadah yang jitu serta pengukuhan

jati diri dapat dicapai bukan hanya melalui pelaksanaan program rawatan dan pemulihan dadah yang disediakan di dalam pusat pemulihan tetapi memerlukan sokongan dan dukungan padu daripada seluruh masyarakat khususnya keluarga residen untuk memastikan mereka tidak lagi terjerumus di dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.

"Sokongan tambahan kepada lepasan residen juga memerlukan pendekatan yang lebih holistik untuk menghasilkan kesan pemulihan yang berkesan serta mampan. Ia adalah menjadi tanggungjawab pelbagai pihak yang berkepentingan sebagai salah satu pendekatan *Whole of Nation* terutama sekali dalam menangani faktor-faktor yang menyumbang boleh kepada kegagalan pemulihan seperti persekitaran pergaulan, pekerjaan dan sokongan masyarakat.

"Dalam hal ini adalah menjadi harapan JPM bahawa lepasan residen Pusat Al-Islah dapat diberi peluang yang secukupnya untuk membuktikan potensi mereka serta diberi kesempatan dan peluang kedua untuk membina hidup baharu yang lebih baik," ujar Yang Berhormat lagi.

Dengan memberi sokongan penuh dalam perjalanan-perjalanan mereka menuju pemulihan, Yang Berhormat menyatakan kita dapat membantu lepasan residen Pusat Al-Islah untuk kembali ke pangkuan masyarakat sebagai individu yang berdaya saing yang memberi sumbangan positif kepada negara dan keluarga mereka. Ini adalah tanggungjawab *kitani* bersama untuk memastikan agar mereka dapat mengubah nasib ke arah yang lebih baik di dunia dan akhirat.

MEMBANTERAS RASUAH AMANAH SETIAP WARGA PERKHIDMATAN AWAM

>> Muka 1

Ini adalah tercermin seperti sedia maklum, pada tahap kebangsaan, agensi yang dipertanggungjawabkan dan diberikan kuasa bagi membanteras jenayah rasuah adalah Biro Mencegah Rasuah (BMR). Manakala pendakwaan dijalankan oleh pihak pendakwa raya.

Dalam hal ini, tegas Yang Berhormat, pihak berkuasa tidak akan tergesa-gesa untuk mengambil tindakan yang bersesuaian ke atas mana-mana penjawat awam yang terbabit dalam gejala rasuah jika ada pembuktian ke atasnya.

"Kes-kes yang telah dibawa di mahkamah pada tahun-tahun kebelakangan membuktikan bahawa tindakan akan diambil tidak mengambil kira peringkat, tidak mengambil kira pangkat penjawat awam sama ada pegawai kanan atau kakitangan dan tidak mengira jika jumlah faedah yang diterima olehnya adalah sedikit ataupun banyak.

"Namun pada masa yang sama pihak kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah serta inisiatif tertentu bagi memastikan

adanya *safeguards* daripada isu-isu integriti dan jenayah rasuah di sektor awam," ujar Yang Berhormat.

Merujuk kepada cadangan bagi mengadakan bahagian (*division*) integriti di setiap kementerian dan jabatan, Yang Berhormat mengongokan bahawa melalui Surat Keliling JPM Bilangan : 10 / 2003, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mula memperkenankan penubuhan Audit Dalam di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan bagi mengemaskinikan lagi pengurusan kewangan dan organisasi kementerian dan jabatan kerajaan.

Surat Keliling JPM Bilangan : 05 / 2022 tambah Yang Berhormat, telah dikeluarkan semula pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa pengemaskinian adalah dilaksanakan ke atas Audit

Dalam dengan antara lainnya mengadakan Jawatankuasa Audit Dalam dan Audit Dalam secara berpusat (*centralised*) iaitu Unit-unit Dalam peringkat jabatan adalah diserapkan di Unit Audit dalam peringkat kementerian yang mana antara objektifnya adalah untuk pertama, memastikan kawalan dalaman dan *check and balance* wujud dan mencukupi bagi semua pengurusan kewangan dan kedua, mencegah dan mengawal kejadian-kejadian pecah amanah, penyelewengan, penyalahgunaan, pembaziran dan pemborosan.

Adalah jelas bahawa Jawatankuasa Audit Dalam dan Unit Audit Dalam yang sedia ada memainkan peranan yang sama seperti bahagian ataupun *division* integriti sebagaimana cadangan Yang Berhormat Ahli MMN.

"Sehubungan itu juga perlu ditekankan bahawa tanggungjawab bagi membanteras rasuah adalah amanah setiap warga Perkhidmatan Awam.

"Dalam hal ini, BMR telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk Program Training of

Trainers pada 10 Disember 2022 bersempena dengan Hari Antirasuah Antarabangsa Tahun 2022 sebagai satu inisiatif untuk mencegah rasuah dalam organisasi secara lebih sistematik dan holistik," tegas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, program yang dilancarkan memberikan latihan bagi wakil jabatan dan kementerian yang dicalonkan sebagai fokus integriti dalam jabatan atau kementerian tersebut untuk memperluaskan kefahaman tentang usaha pencegahan rasuah dan percanggahan kepentingan untuk membina budaya dan integriti tinggi di jabatan dan kementerian tersebut.

Selanjutnya fokus tersebut juga digalakkan untuk memeriksa Amalan Dalam (Standard Operating Procedure) SOP yang perlu diperbaiki. Mana-mana usaha tersebut adalah boleh dirujuk semula dengan bantuan BMR mengenainya.

"Tambahan pada itu, pihak JPM dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara telah menganjurkan seminar perundangan kali ke-4 yang telah

berlangsung pada 3 hingga 4 Februari baru-baru ini dan telah memuatkan beberapa topik yang bertumpu khususnya kepada hal ehwal integriti warga Perkhidmatan Awam agar dapat sama-sama menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mewujudkan Perkhidmatan Awam yang bersih, amanah dan berlandaskan integriti.

"Adalah jelas bahawa sememangnya ada sudah langkah-langkah serta inisiatif komprehensif yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi isu-isu integriti dan membanteras jenayah rasuah dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam.

"Walau bagaimanapun, sebagaimana inti cadangan Yang Berhormat, pemantauan berterusan akan terus dijalankan oleh pihak kerajaan untuk mengenal pasti sebarang kelemahan dalam sistem perkhidmatan awam yang boleh disalahgunakan atau diambil kesempatan dan kemudiannya menimbulkan isu-isu integriti dan jenayah rasuah," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KERJA PENANDAAN, PENGUKURAN SEMPADAN DARAT GIAT DILAKSANAKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia sedang giat melaksanakan kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat kedua-dua buah negara di mana kerjasama ini telah berjalan dengan lancar sejak penubuhan Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Darat pada tahun 2012.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri

II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menyatakan perkara tersebut semasa menjawab sesi pertanyaan pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Bangunan Dewan Majlis diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

Menurut Yang Berhormat, setakat bulan Ogos sahaja pada tahun lepas, kira-kira 175.96 kilometer (km) dari 528.45km telah siap ditandai dan dilaksanakan.

Justeru, pihak NBD dan Malaysia akan terus berusaha untuk mempercepatkan lagi kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat yang telah dikenali sebagai kawasan-kawasan keutamaan ataupun *priority areas* iaitu di antara Sungai Tujoh ke Saluran Pagalayan dari Bebuloh ke Bukit Gadong dan Bukit Gadong ke Kuala Menunggol.

Ke arah itu, terang Yang Berhormat, NBD dan Malaysia juga telah bersetuju bagi semua kerja penandaan dan pengukuran

sempadan darat untuk dimuktamadkan selewat-lewatnya pada tahun 2034.

Tambah Yang Berhormat lagi, pada tahun lepas semasa Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-25 di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, kedua-dua negara telah menandatangani dua dokumen berkaitan dengan kerja-kerja pengukuran dan penandaan bersama sempadan darat.

Dua dokumen tersebut ialah pertama, Exchange of Notes di peringkat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri yang menyatakan komitmen kedua-dua buah negara untuk mendapatkan kemajuan secepat mungkin di kawasan-kawasan keutamaan (*priority areas*) khususnya kawasan Bebuloh ke Bukit Gadong dan kedua, Memorandum Persefahaman (MoU) fasa pertama di antara Kerajaan NBD dan Kerajaan Malaysia bagi kawasan-kawasan di mana

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat telah selesai dibuat iaitu bagi kawasan di Daerah Belait, Daerah Tutong, Daerah Temburong dan juga Teluk Brunei.

MoU berkenaan, jelas Yang Berhormat, bertujuan untuk menunjukkan hasil kemajuan yang telah dicapai bagi beberapa kawasan di mana kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat yang telah selesai dibuat.

"Kementerian ini bersama agensi-agensinya yang berkenaan di NBD akan terus bekerjasama rapat dengan pihak Malaysia dalam memastikan kedua-dua buah negara mematuhi jangka masa (*time frame*) yang telah dipersetujui dan menyelesaikan keseluruhan proses penandaan dan pengukuran sempadan darat selewat-lewatnya pada tahun 2034.

"Seperti yang dimaklumkan, kerja-kerja penandaan dan pengukuran masih sedang giat dijalankan. Walaupun beberapa kawasan telah siap diukur dan ditandai ia masih dianggap tentatif. Sempadan kedua-dua buah negara hanya akan muktamad

setelah semua kerja penandaan dan pengukuran kawasan sempadan darat selesai dilaksanakan serta mendapat persetujuan bersama dari kedua-dua pihak," ujar Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama, tambah Yang Berhormat lagi, Agensi Penguatkuasaan NBD dan Malaysia terus bekerjasama rapat dalam mengawal sempadan masing-masing serta aktiviti rentas sempadan yang menyalahi undang-undang.

Ke arah itu, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga akan terus bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi penguatkuasaan dan pihak berkepentingan bagi memastikan keselamatan sempadan darat dan laut serta juga aktiviti-aktiviti di dalamnya dipelihara.

Menurut Yang Berhormat lagi, kerjasama ini penting untuk memastikan semua pihak berkenaan dapat maklumat terkini dan boleh mengambil tindakan sewajarnya dalam memantau serta mengawal sempadan. Ini termasuk juga usaha untuk mencegah insiden seperti pencerobohan.

Memperkasa infrastruktur sukan negara, menyokong pembangunan atlet



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Oleh : Pg. Vivv Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi
Haji Awang Damit,
Muhammad Asri
Haji Awang Abas

>> Muka 1

"Untuk memastikan pembangunan sukan yang mampan dan menyeluruh, kementerian ini mengalu-alukan pendekatan yang segera, Whole of Nation Approach dengan melibatkan pelbagai pihak termasuk sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan GLC sebagai rakan strategik melalui

inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) serta meneroka inisiatif kerjasama awam dan swasta, PPP, bagi menaik taraf dan membangunkan prasarana sukan yang memenuhi Standard Piawaian Antarabangsa," ujar Yang Berhormat pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Piawaian KKBS itu, tambah Yang Berhormat melihat perkara ini melalui tiga pendekatan jangka masa iaitu pertama, pendekatan jangka masa pendek dalam mana pada masa ini, kementerian ini tumpuan kepada penambahbaikan dan memberi pemeliharaan, penggunaan optimum fasiliti sukan yang sedia ada.

Keutamaan diberikan kepada memastikan kemudahan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para atlet dan masyarakat serta memenuhi piawaian asas bagi penganjuran kejohanan sukan di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Antara kemudahan sukan yang telah pun dinaik taraf secara berfasa dan mengikut piawaian antarabangsa melalui peruntukan RKN11 serta Peruntukan Tahunan Kementerian adalah termasuk Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Dewan

Serbaguna Kompleks Sukan Tutong, Trek Kompleks Sukan Temburong Batu Apoi, Stadium Tertutup dan Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah yang baru-baru ini menjadi *venue* kepada Wushu Remaja Dunia Ke-9 pada tahun 2024 yang mana melibatkan sejumlah 50 negara dan lebih 900 peserta," jelas Yang Berhormat.

Selain itu, ujar Yang Berhormat, KKBS sedang giat membuat persediaan prasarana bagi Temasya Sukan Sekolah-sekolah ASEAN atau ASEAN School Games (ASG) yang dijangka akan

berlangsung pada bulan November tahun ini dan dalam jangka masa sederhana, kementerian ini juga turut meneliti keperluan menaik taraf atau membina prasarana sukan baharu secara berfasa di daerah-daerah tertentu tertakluk kepada keperluan, permintaan dan kedayatahan fiskal negara.

"Kerajaan telah membelanjakan sebanyak BND15 juta dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini untuk pemeliharaan dan penyelenggaraan prasarana

sukan.

"Jadi secara kesimpulannya, kementerian ini kekal komited dalam memperkasa infrastruktur sukan negara bagi menyokong pembangunan atlet serta meningkatkan keupayaan Negara Brunei Darussalam dalam penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa. Kementerian ini juga memastikan pembangunan sukan akar umbi dan program sukan rekreasi akan terus diperkasa yang antara lain melalui Program Pembangunan Atlet Muda," jelas Yang Berhormat.



ANTARA yang hadir pada persidangan tersebut.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMASTIKAN SETIAP PERANCANGAN DIIMPLEMENTASIKAN MENGIKUT RANGKA KERJA

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof menyokong sepenuhnya belanjawan pada Sesi Kewangan 2025 / 2026 bertepatan, 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur', sepertimana juga belanjawan pada tahun-tahun yang sebelumnya yang dihasratkan bagi meneruskan apa jua projek-projek dan inisiatif-inisiatif sepertimana dalam perancangan strategik menuju ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan berkata demikian pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat berpendapat apa yang paling mustahak dalam kita bersama-sama memastikan setiap perancangan atau program diimplementasikan mengikut rangka kerja dan jadual yang ditetapkan, bukannya terbengkalai tanpa sebarang tindakan.

Pendekatan seperti ini bukan saja mengerat, menggerakkan perkembangan pelbagai aktiviti berparlimen tetapi juga dapat dinikmati dalam meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk yang menjurus kepada menambahbaikkan kemakmuran

negara.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, senario cabaran-cabaran global seperti keadaan geopolitik yang tidak menentu dan apa jua sebarang cabaran masa kini dan masa mendatang sangat perlu diambil perhatian serta ditangani secara berperancangan strategik dan holistik bagi menilai sebarang risiko-risiko yang boleh berkemungkinan mendatangkan impak kepada sosioekonomi negara.

Dalam pengamatan Yang Berhormat berkaitan dengan belanjawan negara yang dibentangkan, terdapat cabaran-cabaran utama yang dikenal pasti dari aspek berikut iaitu pertama, bagaimana tatacara meningkatkan lagi dan mengemas kini rancangan strategik dan pelan-pelan tindakan yang sedia ada supaya lebih progresif, efektif, efisien, kreatif dan inovatif bagi bersama-sama menjiwai ke arah menuju mempercepatkan kejayaan merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Dalam kesempatan ini, seperti pembentangan Belanjawan Kewangan 2025 / 2026 daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan pelbagai projek dan inisiatif-inisiatif yang bersungguh-sungguh diungkuhkan sehingga setakat tahun 2024 telah membuahkan hasil kejayaan pencapaian yang memberangsangkan untuk bersama-sama menuju ke arah

perdana aspirasi Wawasan Brunei 2035.

"Sepertimana yang kita sedia maklum, oleh kerana hanya tinggal 10 tahun saja lagi, tempoh yang sangat singkat untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Maka marilah kita semua sama-sama ke semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini, sama ada pihak Kerajaan, swasta dan NGO dan setiap individu yang bernaung di negeri ini akan sama-sama melipat gandakan usaha yang bersungguh-sungguh, berdedikasi, bekerjasama dengan berganding bahu, berintegrasi dalam bersama-sama peranan dan penuh bertanggungjawab bagi memastikan keberhasilan kejayaan Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat.

Sepertimana juga dibentangkan dalam Belanjawan Kewangan 2025 / 2026, tambah Yang Berhormat negara sekali lagi mengalami hambatan cabaran *fiscal deficit*. Sebagai contoh negara mencatatkan *fiscal deficit* BND2.42 bilion pada Tahun Kewangan 2023 / 2024 dan dijangka meningkat kepada BND3.1 bilion *deficit* bagi Tahun Kewangan 2025 / 2026.

Jika *scenario deficit* berlarutan, jelas Yang Berhormat lagi malahan semakin bertambah adalah sangat membimbangkan dan berisiko tinggi misalnya berkemungkinan boleh menjejaskan tahap kesejahteraan, kebajikan serta kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk generasi yang akan datang.

"Persoalannya sekarang, bagaimanakah kita menangani cabaran ini bagi mengimbangi defisit seperti negara, supaya negara dapat meneruskan membiayai pelbagai perbelanjaan projek, rancangan pembangunan

dan lain peruntukan kewangan bagi memastikan negara terus berkeupayaan ke arah perkembangan sosioekonomi yang lebih mampan dan *sustainable* demi memantapkan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sekali gus *survival* generasi yang masa akan datang," soal Yang Berhormat.

Dalam hal ini, Yang Berhormat percaya dan berkeyakinan pihak-pihak berkepentingan khususnya Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa mengamat-amati dan mengambil perhatian mendalam serta mengorak langkah yang lebih strategik, lagi komprehensif mengadakan dengan kajian, terus penelitian, *mereview*, penganalisaan dan seterusnya menyediakan kerangka dasar dan pelan-pelan tindakan yang berstrategik lagi berwawasan sebagai contoh Fiscal Consolidation Plan khususnya membuat *structure reform* terhadap *fiscal planning* menjurus kepada *fiscal prudence*, meningkatkan produktiviti, penjimatan perbelanjaan, penjaan hasil dan *fiscal sustainability*.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat berpendapat dalam usaha penjaan hasil kerajaan, agensi - agensi yang berkepentingan sepatutnya juga bersama-sama berperanan dalam mengkaji sepenuhnya, *mereview* dan mengemas kini pembayaran atau caj perkhidmatan yang dikenakan di samping mengambil kira jang sampai membebaskan kepada golongan-golongan yang tidak berkemampuan dan *vulnerable*.

Ini termasuk juga pembayaran *outstanding* yang perlu dilunaskan dan dipastikan untuk dikutip



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

dengan cara berkesan. Mengenakan semula lesen-lesen perniagaan sebelum ini di bawah kawalan Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan Bandaran dengan kadar yang munasabah di samping bertujuan mengawal premis-premis perniagaan supaya patuh kepada undang-undang dan peraturan-peraturan dikuatkuasakan di negara ini.

"Kaola juga pernah menimbulkan dalam MMN yang lalu, berhubung dengan Sistem Pencukaian Bangunan pada masa ini di bawah kawalan Jabatan Bandaran untuk *direview* dan diselaraskan dengan standard pencukaian dan *best practice* yang diamalkan di Negara-negara ASEAN.

"Ada baiknya perkara ini, iaitu untuk seperti *property tax*, ada baiknya perkara ini diberi keutamaan dan dipercepatkan dan kaola dimaklumkan perkara ini masih lagi dalam pertimbangan," ujar Yang Berhormat.

Memperluaskan penggunaan Dana Strategic Development Capital



AHLI MMN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Dalam konteks negara kita yang masih bergantung kepada *unsustainable source single of and revenue hydrocarbon*, usaha mempelbagaian ekonomi adalah agenda utama yang perlu untuk dilaksanakan secara progresif sebagai komponen penting bagi memastikan kesejahteraan dan kemampuan ekonomi negara.

Lebih-lebih lagi dalam keadaan *geopolitic* global yang tidak menentu dan berterusan mencabar termasuk yang dibawa oleh arus kemajuan dan transformasi teknologi maklumat yang semakin pesat seperti Artificial Intelligence dan Cybersecurity, peralihan landskap tenaga dan risiko-risiko realiti iklim baharu.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berucap demikian semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 2025/2026 bagi Tahun Kewangan 2025 / 2026 pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Ke arah merealisasikan hasrat tersebut, Yang Berhormat berpendapat salah satu opsyen yang boleh kita teliti dan pertimbangkan ialah dengan mengukuhkan lagi peranan dan memperluaskan penggunaan

Dana Strategic Development Capital (SDC) yang setakat ini telah berjaya menarik beberapa FDI yang berskala besar dan signifikan ke negara ini.

"Saranan ini kaola ajukan dengan mengambil kira keadaan fiskal negara ketika ini di samping strategi telah terbukti membuahkan hasil positif, bukan sahaja di negara ini malahan di sebilangan negara-negara pengeluar minyak menggunakan lain sebahagian *reserve fund* mereka yang *general* untuk mempelbagaikan ekonomi domestik masing-masing.

"Kewangan di bawah Dana SDC ini adalah dana yang disediakan secara *non-government budget*. Ia khusus hanya akan digunakan bagi membiayai pelaburan domestik secara spesifik antaranya bagi tujuan meneruskan perluasan asas *commercial* bagi *industries* dan mempelbagaikan ekonomi negara dalam kluster-kluster strategik yang telah dikenal pasti," jelas Yang Berhormat.

Sumber dana ini juga tambah Yang Berhormat boleh digunakan

bagi membangun projek-projek yang boleh meluaskan asas hasil pendapatan kerajaan serta untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti bagi anak tempatan.

Menurut Yang Berhormat lagi, Dana SDC ini juga boleh menjadi pemangkin (*catalyst*) bagi menarik Pelaburan Langsung Asing seperti yang telah dilaksanakan bagi Projek Petrochemical Pulau Muara Besar dan Brunei Fertilizer Industries yang terbukti telah berjaya meningkatkan pertumbuhan positif KDNK dan eksport negara dalam sektor bukan minyak dan gas dan sekali gus berjaya menurunkan kadar pengangguran negara kepada kadar 5.2 peratus pada tahun 2022 apabila projek-projek tersebut mula beroperasi.

"Di samping itu, dana ini juga boleh digunakan bagi menyediakan menaik taraf infrastruktur untuk membolehkan pengusaha tempatan dan FDI akan dapat beroperasi secara *plug-in*. Ia juga boleh bertindak sebagai payung *umbrella* kepada perkembangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

dengan cara mengadakan akses kepada model kewangan dan *mentorship* bagi meningkatkan pengetahuan teknikal, teknologi, *managerial*, pemasaran, kewangan dan *digitalization development*.

"Ke arah itu, penglibatan semua *stakeholders* termasuk syarikat milik kerajaan yang setakat ini telah dapat menyumbang pada pendapatan negara dan pembukaan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan juga para usahawan tempatan perlu diperkukuhkan bagi mendukung dan menyokong dasar ini sebagai mempraktikkan amalan *Whole of Nation Approach*," ujar Yang Berhormat.

Institusi bagi pelaksanaannya, jelas Yang Berhormat, termasuk sistem perbankan komersial tempatan yang mencatatkan keuntungan yang menggalakkan dengan aset dan kriteria yang kukuh telah pun tersedia yang sepatutnya boleh mendukung projek-projek domestik yang *feasible and viable*.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PERUNTUKAN BERFUNGSI DENGAN EFISIEN, BERBELANJA DENGAN BERHEMAH

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2025 / 2026 dengan tema 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang komprehensif dan jelas mengenai hala kewangan tuju peruntukan kementerian-kementerian bagi Tahun Kewangan 2025 / 2026, dengan penekanan kepada beberapa tajuk utama di kementerian-kementerian yang mana peruntukan yang diberikan di harap mempunyai impak ketara dalam usaha kita mentransformasi ekonomi dan sebagai langkah strategik yang berterusan ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyokong sepenuhnya belanjawan yang telah pun dibentangkan dengan tema yang telah pun dinyatakan iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur'.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 2025 / 2026 bagi Tahun Kewangan 2025 / 2026 pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Kaola amat bersyukur walau dalam keadaan di mana pendapatan negara turut terjejas oleh ketidakstabilan harga komoditi, pergolakan politik dunia seperti peperangan, sekatan perdagangan, tarif dan sebagainya, Negara Brunei Darussalam masih mampu menyediakan peruntukan sebanyak BND6.3 bilion secara keseluruhan untuk meneruskan agenda pembangunan menuju Wawasan Brunei 2035. Walau bagaimanapun, kaola mengambil maklum jua akan fiskal defisit negara yang dijangka menjangkau BND3.2 bilion pada tahun ini.

"Kaola mengucapkan tahniah kepada seluruh jentera kerajaan yang terus berusaha dengan gigih bagi mencapai visi dan misi kementerian masing-masing untuk mencapai transformasi dan peralihan yang ketara, menaikkan status negara seiring dengan negara-negara yang lain.

"Adalah diharapkan dengan peruntukan yang diberikan, kesemua-kemua kementerian akan berfungsi dengan efisien, berupaya terus melaksanakan apa yang mereka telah rancang, berbelanja dengan berhemah, tidak membazir dan mencapai objektif-objektif yang mereka

kehendaki. Untuk itu, kita memerlukan setiap penjawat awam berdedikasi, berdisiplin, berpengetahuan, efisien dan patuh dalam apa jua arahan dan usaha kementeriannya," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat berpendapat perlu ada pemantauan di peringkat tertinggi agar usaha transformasi dan kepelbagaian ekonomi oleh semua kementerian adalah *on the same page* dan sejajar. Apa yang dilihat ialah masih kurangnya penyelarasan dalam kalangan kementerian di sebalik seruan bagi pendekatan *Whole of Nation* dan *Whole of Government*. Antara lain sebab dan penyebabnya ialah penggunaan peruntukan tidak dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif peruntukan.

Yang Berhormat mengalu-alukan peruntukan sebanyak Lima Bilion Dua Ratus Sembilan Puluh Juta Ringgit daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Kewangan 2025/2026 bagi kementerian-kementerian.

Yang Berhormat berharap selain daripada pembayaran gaji kakitangan dan perbelanjaan operasi untuk memastikan kelincinan fungsi jentera kerajaan, peruntukan dapat disalurkan bagi membiayai beberapa inisiatif dan projek yang penting, yang berpotensi mempelbagaikan dan mentransformasikan ekonomi.

Seterusnya, Yang Berhormat menyambut baik kejayaan dalam bidang pendidikan seperti peningkatan dalam ranking semua institusi tinggi di negara ini. Begitu juga pencapaian pelajar kita menunjukkan dalam PISA yang menunjukkan peningkatan.

Jelas Yang Berhormat lagi, adalah diharapkan semua pencapaian dapat dipertahankan di masa akan datang dan menjadi *capital* iaitu modal untuk negara kita dalam usaha kita mencapai status negara maju.

Sebab itu, dalam pandangan Yang Berhormat, situasi seperti dalam laporan Pusat Pekerjaan Brunei 2022, di mana sebanyak 2,760 pencari kerja dalam kalangan graduan *first degree and above* berbanding dengan hanya 311 jawatan yang ada, tidak sepatutnya berlaku.

Yang Berhormat menyarankan agar usaha meningkatkan pencapaian pendidikan disertai juga dengan perkembangan ekonomi agar mereka ini dapat *diabsorb* dalam *job market*.

"Setiap tahun institusi-institusi tinggi di negara ini akan mengeluarkan graduannya dan setentunya akan mencari pekerjaan tetapi jumlah pekerjaan yang ada tidak dapat menampung pencari kerja dalam kalangan mereka. Kita juga melihat tren yang ada sekarang, di mana seperti dalam kajian bahawa 70 peratus tenaga kerja keseluruhannya adalah bekerja

di sektor swasta.

"Kaola rasa ini adalah satu trend yang positif. Ini bererti mereka tidak memilih untuk hanya bekerja dengan kerajaan semata-mata tetapi bersedia bekerja di sektor swasta.

"Soalnya, adakah kita berupaya menyediakan pekerjaan di sektor swasta seperti di industri minyak dan gas, agromakanan, pelancongan, industri binaan, industri pembuatan, perniagaan kecil dan sederhana dan lain-lain.

"Sektor swasta merupakan pemacu kepada pertumbuhan dalam ekonomi dan kita bersama-sama berperanan untuk memastikan perkembangannya tetapi adakah infrastruktur yang ada termasuk undang-undang dan peraturan yang berjalan membantu ke arah pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan sektor swasta di negara ini," ujar Yang Berhormat lagi.

Dalam industri agromakanan, Yang Berhormat memberikan contoh, adakah peruntukan untuk memajukan bidang pertanian mencukupi dan disokong dengan peruntukan mengadakan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, bekalan elektrik, saluran, pemasaran, pembedungan, kewangan, penyelidikan dan pembangunan yang rasa agak amat penting dan sebagainya untuk industri pertanian berkembang maju.

Dalam pembentangan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ada menyatakan peruntukan membantu industri untuk pemakanan di negara ini seperti bagi pengeluaran padi, ternakan dan lain-lain. Adalah diharapkan bahawa peruntukan yang ada itu dapat digunakan dalam masa

yang dekat ini supaya pihak peladang misalnya tidak akan kekurangan air dan sebagainya seperti yang dialami mereka sekarang.

Begitu juga industri pelancongan tambah Yang Berhormat memerlukan destinasi dan pakej yang menarik, kemudahan pengangkutan awam yang efisien, tempat penginapan, tempat makan dan sebagainya. Jika dibandingkan dengan kemudahan pelancongan di tempat-tempat lain, mungkin terdapat banyak perlu dilakukan.

"Kaola berpendapat di sinilah *litmus test* kejayaan atau kegagalan belanjawan kita dalam mentransformasikan ekonomi iaitu sejauh mana ia merangsang sektor swasta untuk berkembang. Sejahtera mana kita berupaya menarik lebih banyak Pelabur Langsung Asing ke negara ini, sama ada melalui *direct investment*, *joint ventures*, *Public-Private Partnership* (PPP) dengan memberi insentif yang menarik.

"Dan sejauh mana ia dapat mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baharu (*creating jobs*) dan menambah baik kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini. Belanjawan yang baik ialah belanjawan yang responsif kepada keperluan negara masa kini iaitu ekonomi yang berkembang, peluang pekerjaan yang bertambah, kesejahteraan rakyat dan penduduk yang meningkat," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengalu-alukan peruntukan bagi meningkatkan keselamatan jalan raya sebagai usaha berterusan pihak kerajaan agar kemudahan awam seperti ini sentiasa mendapat perhatian agar jalan raya selamat dan selesa



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

digunakan. Begitu juga dengan usaha kerajaan menangani masalah banjir di kawasan-kawasan yang rendah terus diberi perhatian bagi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Menyentuh mengenai dengan penjagaan kesihatan, Yang Berhormat menambah Negara Brunei Darussalam telah berada, kekal berada dalam kategori yang mempunyai *very high human development index* dan bersyukur bahawa kerajaan terus menyediakan peruntukan yang besar kepada Kementerian Kesihatan bagi penjagaan kesihatan di negara ini yang pada tahun ini sebanyak BND652,539,901.

Yang Berhormat berharap dengan peruntukan sedemikian, Kementerian Kesihatan akan mampu meningkatkan infrastruktur dan kemudahan serta menambah pakar doktor jururawat dan kakitangan yang mencukupi di hospital-hospital dan klinik-klinik di negara ini.

>> Muka 6

Yang utama ialah pengemaskinian dasar dan peraturan yang membolehkan pelaksanaan inisiatif ini dapat dibuat dengan lebih cepat, teratur secara *integrated* dan *coordinated* dengan memperbaiki proses *delivery* dengan fokus kepada *Ease of Doing Business* tanpa menjejaskan *governance* tadbir urus.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, isu penyelarasan dan kesepaduan juga perlu ditangani secara saksama melalui a *Whole of Government* dan a *Whole of Nation Approach*.

"Bagi menyelaraskan dengan matlamat ini, peraturan Local Business Development bagi meningkatkan lagi penglibatan usahawan tempatan, terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana adalah disarankan untuk diperkukuhkan dan dikemaskinikan supaya kesan limpahan ataupun *spin-off* daripada aktiviti FDI ini dapat dimanfaatkan dan dirasakan oleh

para peniaga dan pengusaha tempatan ini.

"Begitu juga dasar imigresen dan buruh juga bersesuaian diteliti dengan saksama, terutamanya dalam memudah dan menggalakkan lebih banyak lagi usahawan tempatan berganding bahu dengan pelabur eksekutif yang berkemahiran dan *talented professional* untuk menjadikan negara ini sebagai tapak *base* mereka untuk menjalankan *business*.

"Tidak kurang pentingnya juga bursa saham negara akan disegerakan penubuhannya bagi menyediakan platform memberikan peluang ataupun pilihan pelaburan kepada rakyat dan penduduk di negara ini untuk turut serta dalam pembangunan negara," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyedari bahawa saranan-saranan ini memang mempunyai cabaran-cabaran yang tertentu untuk dilaksanakan. Namun, ia bukanlah perkara yang mustahil untuk diusahakan.

Prasyarat dan *critical success* faktornya seperti penyelarasan kukuh *inter-ministry*, *human resource development*, *institutional development* dan lain-lain, Yang Berhormat percaya telah pun diteliti *cost-benefit* dan impaknya oleh agensi-agensinya yang berkepentingan.

"Contoh kajian usaha-usaha ini telah pun ada di hadapan kita seperti pelaksanaan projek-projek industri hiliran yang telah berjaya menyokong inisiatif mempelbagaian ekonomi negara.

"Model pelaksanaan seperti ini sepatutnya diambil iktibar dan boleh *define-tuning* bagi menyelaraskannya dengan perkembangan dan teknologi semasa bagi kluster-kluster lain yang telah dikenal pasti.

"Yang penting ialah hala tuju yang jelas ekosistem perniagaan yang kondusif dan mesra perniagaan dan dasar serta peraturan yang telus ke arah menggalakkan dan memudahkannya untuk berkembang," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEWUJUDKAN RANGKA TINDAKAN KESELAMATAN MAKANAN NASIONAL LEBIH KOMPREHENSIF

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. – Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada tahun ini menekankan kepentingan meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti pertanian serta industri baharu yang mengurangkan kebergantungan kepada sektor minyak dan gas agar dapat memastikan pembangunan ekonomi yang menyeluruh.

Sehubungan itu, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck mengetengahkan beberapa cadangan yang bukan sahaja menyokong dasar sedia ada tetapi juga cadangan ke arah strategi lebih lanjut untuk memperkukuh sektor berkenaan.

"Salah satu cabaran utama yang dihadapi negara ialah kebergantungan tinggi terhadap import makanan di mana lebih 70 peratus bekalan negara masih diperolehi dari luar negeri.

"Dalam konteks ini, kaola amat menyambut baik usaha kerajaan dalam mengembangkan kawasan Kemajuan Pertanian Kandol yang didasarkan mengeluarkan hasil sebanyak 2,088 metrik tan beras setahun.

"Walau bagaimanapun, untuk memastikan negara mencapai kadar sara diri yang lebih tinggi, kita perlu melihat lebih mendalam kepada struktur industri pertanian secara keseluruhan," jelas Yang Berhormat semasa

mengemukakan cadangan berhubung peruntukan dan dasar kewangan negara pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat mencadangkan agar kerajaan mewujudkan rangka tindakan keselamatan makanan nasional yang lebih komprehensif, yang tidak hanya bertumpu kepada pengeluaran semata-mata tetapi juga membina ekosistem pertanian yang lebih holistik.

"Ini termasuk kajian strategik terhadap tanah pertanian yang berpotensi, meningkatkan sistem pengairan yang lebih efisien serta insentif kepada sektor swasta untuk melabur dalam pengeluaran makanan tempatan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya kerajaan memperluaskan kerjasama dengan sektor swasta dan institusi penyelidikan bagi meningkatkan inovasi dalam bidang pertanian dan pemrosesan makanan.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kerajaan boleh menggalakkan pelaburan dalam penyelidikan dalam pembangunan RND untuk menghasilkan benih padi tahan penyakit, sistem pengairan pintar serta teknologi pemrosesan makanan yang lebih cekap dan selamat.

"Ini saja akan membantu meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran

antarabangsa tetapi juga mengurangkan kos pengeluaran dalam jangka masa panjang.

"Bagi meningkatkan nilai tambahan kepada hasil pertanian tempatan, industri pemrosesan makanan perlu dipertingkatkan.

"Oleh itu, kaola mencadangkan kerajaan memperkenalkan dana yang boleh menggunakan untuk membangunkan lebih banyak kilang pemrosesan makanan berskala kecil dan sederhana di daerah-daerah, memberikan *grant* bagi mendapatkan persijilan halal antarabangsa dan standard eksport yang ketat bagi membolehkan produk tempatan menembusi pasaran global serta menyediakan insentif khas untuk syarikat yang ingin melabur dalam RND pemrosesan makanan termasuk penggunaan bahan semula jadi dan formulasi produk inovatif," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga juga melihat keperluan untuk mewujudkan hab agromakanan nasional yang berfungsi sebagai pusat sehenti untuk menyokong keseluruhan rantai nilai industri pertanian dan makanan.

"Hab ini boleh mendapatkan pusat penyelidikan pertanian, fasiliti pemrosesan makanan, gudang penyimpanan serta pusat latihan usahawan tani.

"Dengan adanya hab ini, sektor pertanian dan makanan akan lebih tersusun selain mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta meningkatkan keberkesanan operasi dan pemasaran produk tempatan," jelas Yang Berhormat.

Keusahawanan tambah Yang Berhormat, merupakan tunjang utama kepada pertumbuhan sektor bukan minyak dan gas,

dan kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk memperkasa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta usahawan tempatan.

"Walaupun terdapat skim pembiayaan dari Darussalam Enterprise (DARE), ramai usahawan masih menghadapi cabaran dalam mengakses modal dengan syarat yang lebih fleksibel.

"Kaola mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan dana bagi membiayai perusahaan yang memberikan akses kepada pinjaman subsidi dengan kadar faedah lebih rendah kepada syarikat yang membangunkan teknologi pertanian, pemrosesan makanan dan perdagangan digital.

"Kaola juga melihat keperluan bagi satu program khas untuk mempercepatkan pendigitalan perniagaan dalam sektor pertanian dan makanan.

"Kerajaan boleh wujudkan inisiatif yang membantu petanidan usahawan tani dalam memanfaatkan platform e-Dagang dan teknologi digital untuk pemasaran produk mereka," kata Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, ini termasuk latihan dalam pemasaran digital, akses kepada platform e-Dagang tempatan dan serantau serta integrasi sistem pembayaran tanpa tunai bagi memudahkan transaksi jual beli.

Selain itu, Yang Berhormat menambah kerajaan juga boleh menyediakan lebih banyak insentif kepada syarikat yang ingin melabur dalam teknologi pertanian pintar seperti otomasi ladang, sistem pengairan pintar, penggunaan dron untuk pemantauan tanaman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

serta Kecerdasan Buatan (AI) dalam analisis hasil pertanian.

"Belanjawan inibukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme memberikan dan pertumbuhan ekonomi tetapi jugasebagai pemacu kepada transformasi sektor pertanian dan perniagaan.

"Dengan strategi yang lebih menyeluruh kita boleh memastikan bahawa negara mampu mencapai daya saing lebih tinggi dalam sektor keselamatan makanan, perniagaan moden dan industri pemrosesan makanan. Belanjawan ini juga selaras dengan hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mahukan negara mengorak langkah ke arah ekonomi yang lebih pelbagai, inklusif dan lestari.

"Kaola menyokong sepenuh belanjawan ini dan harap agar cadangan yang dikemukakan dapat diteliti dan dilaksanakan demi manfaat bersama," ujar Yang Berhormat lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Mahali bin Haji Momin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. – Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.2 peratus pada tahun 2024 merupakan kadar tertinggi sejak tahun 1999, yang mencerminkan keberkesanan dasar-dasar Kerajaan dalam memperkukuh ekonomi serta usaha berterusan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Walau bagaimanapun, dengan

Memperhalusi perbelanjaan dengan mengenal pasti sektor memberi impak

hanya 10 tahun yang tinggal untuk mencapai wawasan berkenaan *sense of urgency* untuk merealisasikan sepenuhnya aspirasi yang ditetapkan.

Perkara itu dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin semasa membahaskan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan, 2025/2026 pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Persoalan utama yang timbul ialah sama ada KDNK negara mampu mengekalkan trend pertumbuhan positif ini dalam jangka panjang," soal Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga melahirkan rasa syukur kerana kerajaan telah mengenal pasti sektor-sektor keutamaan lain seperti makanan, perkhidmatan, ICT dan pelancongan sebagai

pemacu utama dalam usaha kepelbagaian ekonomi negara.

"Dengan sumbangan mereka yang semakin meningkat kepada ekonomi, kaola juga teruja mendengar perancangan-perancangan dan usaha dalam pertumbuhan ekonomi hijau yang sejajar dengan keperluan global untuk menangani perubahan iklim dan memastikan kelestarian ekonomi jangka panjang.

"Sehubungan itu, kaola juga menyambut baik atas usaha Kementerian Pendidikan dalam pembangunan modal insan bagi sektor hijau serta peranan Universiti Teknologi Brunei (UTB) dalam menubuhkan Centre of Green Technology dan Sustainable Research yang merupakan langkah signifikan dalam memperkasa kepakaran dan memajukan inovasi dalam teknologi hijau.

"Namun dalam proses peralihan industri ini, terdapat risiko yang perlu diberi perhatian termasuk kemungkinan kehilangan pekerjaan dalam

sektor tradisional, keperluan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerjasedia ada serta cabaran dalam menarik pelaburan dan memastikan kestabilan ekonomi sepanjang tempoh peralihan," ujar Yang Berhormat.

Oleh itu jelas Yang Berhormat, persoalan utama yang timbul adalah bagaimana kerajaan dapat memperkukuh lagi usaha memastikan tenaga kerja rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) bersedia untuk masa depan agar mereka dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang dalam industri yang sedang berkembang pesat dan berdaya maju sambil mengurangkan kesan negatif daripada peralihan industri terhadap pekerja dan ekonomi secara keseluruhan.

"InsyaaAllah dengan usaha yang bersepadu, NBD akan terus berkembang sebagai sebuah ekonomi yang dinamik, mampan dan makmur untuk generasi kini dan akan datang," kata Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang

Berhormat turut mencadangkan agar kerajaan boleh memperhalusi perbelanjaan dengan mengenal pasti sektor yang benar-benar memberi impak iaitu perbelanjaan yang produktif dan yang tidak produktif.

"Ini boleh selari dengan usaha meningkatkan kecekapan dalam pengurusan sumber alam seperti pemantauan yang lebih ketat terhadap keberkesanan projek.

"Satu lagi pendekatan untuk menangani defisit dan penurunan output ekonomi adalah melalui pemerksaan sektor swasta.

"Alhamdulillah, kita dapat melihat usaha kerajaan dalam hal ini dengan mengutamakan peranan syarikat - syarikat berkaitan kerajaan, bukan sahaja sebagai pemangkin pertumbuhan sektor swasta tapi juga sebagai platform untuk meningkat daya saing perniagaan tempatan, mencipta peluang pekerjaan berkualiti, dan memperkukuh ekosistem ekonomi negara," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. – Tindakan utama telah diusahakan berterusan bagi menyekat laman sesawang berunsur penipuan dan nombor telefon yang digunakan untuk panggilan dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) penipuan.

Dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) dan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan, laman sesawang yang disahkan sebagai *scam* akan disekat dengan serta merta.

Selain itu, langkah-langkah dan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk menangani sebarang aduan berkaitan nombor telefon yang digunakan untuk panggilan dan SMS penipuan telah ditetapkan dan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shahrudin bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat mengenai isu berkaitan dengan penggodaman telefon pintar dan atas talian pada pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Sejak tahun 2024, sebanyak 82 laman sesawang berunsur penipuan dan sebanyak 557 nombor telefon telah disekat.

"Antara usaha untuk mempertingkatkan keselamatan dan menangani aktiviti menyalahi undang-undang melalui panggilan dan SMS di negara ini, pihak Pihak Berkuasa bagi Teknologi Info-Komunikasi (AITI) bekerjasama dengan pihak UNN, Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. (Progresif) dan Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) untuk melaksanakan Program Pendaftaran Semula Kad SIM Prabayar Telefon Bimbit secara berperingkat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Program tersebut telah bermula pada 2 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025 yang

MEMPERTINGKATKAN KESELAMATAN MELALUI PROGRAM PENDAFTARAN SEMULA KAD SIM

**Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

mana pengguna pra-bayar telefon bimbit adalah dikehendaki untuk mendaftar semula dengan penyedia perkhidmatan masing-masing," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata rekod pengguna yang tepat dan terkini adalah amat penting bagi membantu penguatkuasaan undang-undang mencegah penyalahgunaan pendaftaran kad SIM untuk tujuan yang menyalahi undang-undang seperti penipuan dan penyebaran maklumat palsu.

Tambah Yang Berhormat lagi, hasil dari inisiatif pembarigaan giat yang dijalankan dan berdasarkan data yang diperoleh dari syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan dalam tempoh satu bulan sejak pendaftaran semula ini dilancarkan, setakat 1 Februari 2025, seramai 55,108 pengguna telefon bimbit prabayar iaitu 13 peratus dari jumlah keseluruhan telah mendaftarkan kad SIM mereka semula.

"Pembarigaan dan inisiatif berkaitan akan terus dilaksanakan oleh AITI dan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan dari semasa ke semasa bagi menggalakkan pendaftaran semula dalam kalangan pengguna berkenaan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, inisiatif meningkatkan kesedaran awam juga turut dilaksanakan secara berterusan dengan bekerjasama dengan agensi-agensi seperti Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan juga agensi-agensi bukan kerajaan.

"Ini termasuk sesi taklimat kepada kalangan warga emas dan belia-belia serta penyediaan bahan-bahan Poster Kesedaran Awam dan penerbitan video-video klip.

"Bagi menangani ancaman ini secara holistik dan juga proaktif, pihak Cyber Security Brunei (CSB) jugatelah mengadakan satu bengkel pada tahun lepas semasa Cybersecurity Conference bagi melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang seperti AITI, BDCB berserta tiga buah bank tempatan iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan juga Baiduri.

"Ini adalah bertujuan untuk bagi pengendalian kaedah teknologi yang terdapat pada masa ini bagi melindungi semua pengguna yang terlibat melalui Fourth Intelligence Platform.

"CSB sedang mempertimbangkan penggunaan sistem teknologi ini bagi tujuan pengawasan dan pambanterasan penipuan dalam talian.

"CSB juga sedang berusaha membangunkan sebuah portal bagi rujukan orang ramai mengenai elemen-elemen yang digunakan sebagai konduit

kepada aktiviti *scam* dan *fraud*," kata Yang Berhormat.

Perkembangan seterusnya jelas Yang Berhormat, adalah inisiatif untuk pembangunan *mobile app* yang boleh memberikan fungsi serupa portal tersebut kepada pengguna telefon mudah alih. Pihak AITI juga menyediakan *facts checking platform* secara berpusat yang berperanan untuk perkongsian maklumat-maklumat yang tepat dan sahih.

Platform tersebut juga tambah Yang Berhormat, akan meningkatkan kewaspadaan orang ramai terhadap berita palsu dan *scams*. Hasil kerjasama pihak-pihak berkepentingan termasuk PPDB telah menghasilkan beberapa tangkapan dan juga kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah berhubung dengan kes-kes penipuan dalam talian.

Sementara bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli MMN, Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mengenai hal ehwal perlindungan terhadap kanak-kanak di negara ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menjelaskan bahawa NBD turut meneliti pendekatan yang diambil oleh Negara-negara serantau seperti ASEAN dan juga Australia dalam menilai keperluan untuk menyekat dan pengawalseliaan platform media.

"Negara ini juga melihat amalan-amalan terbaik serantau melalui platform seperti ASEAN Digital Senior Officials' Meeting dan ASEAN Senior Officials' Meeting Responsible for Information bagi pendekatan secara kolektif dalam menangani isu kandungan yang berkaitan dengan platform media sosial.

"Dalam masa yang sama, pihak AITI juga berhubung secara langsung dengan pihak META iaitu Facebook, WhatsApp dan Instagram dalam keperluan untuk

melindungi kanak-kanak dan jenayah dalam talian termasuk permohonan turun kandungan media sosial (*request for content take down*) yang menyalahi piawaian *community matter* atau *community standards* mereka," kata Yang Berhormat.

Semasa sesi lawatan kerja Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber ke Pejabat META di Singapura pada tahun lepas, Yang Berhormat memberitahu bahawa rombongan juga telah membincangkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak META dalam menangani isu keselamatan siber secara amnya, termasuk berita palsu, penipuan dalam talian dan penyalahgunaan teknologi kecerdasan buatan (AI).

"Hasil dari lawatan tersebut termasuk pihak META bersetuju bagi melantik *focal point* dari META dengan agensi-agensi berkenaan khususnya PPDB dan juga pihak AITI untuk di-*formalised*.

"Pihak META juga mengendalikankan bengkel kepada *focal points of contact* termasuk *refresher course*, *basic subscriber information* dan *self-management platforms courses* kepada pihak AITI juga PPDB," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut mengongsikan, antara langkah lain dalam mendukung pelaksanaan inisiatif untuk melindungi kanak-kanak dari jenayah dalam talian dan kandungan yang tidak sesuai termasuk pihak AITI bekerjasama dengan pihak UNN menyekat laman-laman sesawang berunsur tidak bermoral dan menyalahi tata amalan internet atau internet *code of practice*.

"Sejak lima tahun kebelakangan, sebanyak 135 laman-laman sesawang telah disekat. Antara cabaran dalam penyekatan kandungan media sosial adalah apabila kandungan tersebut berasal dari luar negara yang mempunyai konteks berbeza dari segi piawaian, komuniti dan juga adakalanya

bercanggah dengan tata susila dan nilai-nilai sesebuah negara.

"Selain itu, mana-mana laman sesawang yang disekat juga boleh dipintas atau *bypass* dengan penggunaan Virtual Private Network atau VPN menyebabkan sebarang kandungan yang bercanggah masih boleh dapat diakses.

"Namun begitu, pihak AITI bekerjasama dengan pihak agensi-agensi berkenaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam melaksanakan inisiatif kesedaran awam berkaitan keselamatan dalam talian serta penggunaan internet secara berhemah dan bertanggungjawab dan juga meluaskan penyaluran bahan-bahan pembelajaran tersebut melalui aplikasi Akademi Mindtrex yang dipanggil tip keselamatan media sosial pada tahun 2023.

"Pada bulan Julai 2024, pihak AITI juga telah mengemaskinikan Buku Panduan Keselamatan Dalam Talian termasuk maklumat mengenai langkah-langkah untuk melindungi kanak-kanak dari kandungan yang tidak sesuai dengan peringkat umur.

"Selain itu, Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT) melalui pelbagai inisiatif dan program juga berusaha untuk mendidik masyarakat mengenai amalan keselamatan siber yang betul dan cara melindungi daripada ancaman dalam talian," kata Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat menerangkan bahawa pihak CSB juga sedang giat berbincang bersama International Telecommunication Unit (ITU) untuk mengadakan bengkel dengan melibatkan agensi-agensi yang berkenaan dan bertujuan untuk mengubahsuaikan dan menggubal rangka kerja khusus bagi perlindungan kanak-kanak yang komprehensif dan lebih *actionable*.



SEKITAR Persidangan MMN tersebut.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPERKUKUH PROSES PENGANGGARAN, MEMPERTINGKATKAN TAHAP PELABURAN KEWANGAN

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. – Aspirasi yang telah digariskan dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2025/2026 memerlukan kerjasama erat semua pihak termasuk kerajaan, sektor swasta dan rakyat bagi mencapai hala tuju negara.

Perkara itu dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee semasa mengemukakan pandangan dan cadangan berhubung peruntukan dan dasar kewangan negara pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN,

Bangunan Dewan Majlis, di sini. Yang Berhormat antara lain membahaskan mengenai pencapaian negara dari segi KDNK yang telah mencapai pertumbuhan sebanyak 4.2 peratus berbanding dengan unjuran yang dijangka iaitu 3.3 peratus hingga 4 peratus sahaja.

Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan mengenai faktor yang menyebabkan pertumbuhan lebih tinggi berkenaan dan mengapa jangkaan untuk tahun 2025 lebih rendah iaitu 2.4 peratus hingga 3.4 peratus walaupun prestasi sekarang baik.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai rizab fiskal negara yang kukuh dianggarkan

sebanyak USD73 bilion menurut Sovereign Wealth Fund Institute, tetapi dengan penurunan hasil minyak dan gas serta tekanan global *decarbonization* yang semakin meningkat memastikan perbelanjaan yang lebih strategik dan berdisiplin fiskal menjadi lebih kritikal pada masa ini.

"Masa depan yang kita sedang bina hari ini harus menjadi suatu yang bertanggungjawab dari segi kewangan yang mampan secara ekonomi untuk generasi akan datang.

"Sehubungan itu, pihak kami mengambil maklum bahawa Bahagian Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mencapai kemajuan yang positif dalam usaha ini dengan sokongan panduan teknikal yang berterusan bagi mempertingkatkan disiplin

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

fiskal berterusan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan negara.

"Salah satu inisiatif utama yang sedang dilaksanakan iaitu pembangunan *chart of accounts* yang telah diperincikan dalam salah satu lawatan kerja yang telah diadakan," kata Yang Berhormat.

Pembaharuan ini ujar Yang Berhormat, akan mewujudkan satu sistem yang lebih tersusun dalam menjejak perbelanjaan kerajaan, memperkukuh proses penganggaran serta mempertingkatkan tahap pelaburan kewangan.



"Ini merupakan langkah yang amat penting dalam memastikan dana awam digunakan dengan cekap dan berkesan," ujar Yang Berhormat.

Kukuhkan usaha meningkatkan pelaburan infrastruktur, manfaatkan kedudukan strategik



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 2025/2026 bagi Tahun Kewangan 2025/2026 pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Persoalan Yang Berhormat, adakah ini menandakan peralihan dari perbelanjaan yang berfokus kepada pembangunan *development focus spending* kepada perbelanjaan operasi *operational expenses* dan bukannya pelaburan jangka panjang *long term investment*?

Ini kerana tambah Yang Berhormat, tanpa peningkatan pelaburan infrastruktur, bagaimana kita memperkukuh usaha untuk menarik pelabur dan mengembangkan industri utama seperti sektor makanan, pelancongan dan ICT dan perkhidmatan.

Kebimbangan ini tegas Yang Berhormat, bukan sekadar teori, ia turut disuarakan oleh komuniti perniagaan yang memerlukan sokongan infrastruktur yang lebih besar dan ini adalah isu yang perlu

kita tangani dan teliti.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa peranan penting kerajaan sebagai pelabur strategik dalam pembangunan ekonomi negara terutamanya melalui usaha sama tempatan *joint ventures* di mana kita perlu memahami bahawa pelaburan kerajaan bukan sekadar perbelanjaan tetapi merupakan pemangkin pertumbuhan ekonomi yang penting.

"Seperti prinsip asas ekonomi, kita perlu membelanjakan wang untuk menjana wang dan melalui pelaburan yang bijak, terutamanya melalui usaha sama tempatan *joint ventures*, kita dapat mencipta peluang pekerjaan, membangunkan industri tempatan dan meningkatkan pendapatan negara.

"Menyentuh mengenai usaha mempelbagaikan ekonomi negara terutama dalam sektor ekonomi alternatif, iaitu dengan kedudukan negara yang berada pada kedudukan strategik di tengah-tengah Asia Tenggara dan kelebihan geografi ini haruslah dimanfaatkan untuk menarik pelaburan dan membangunkan sektor perdagangan.

"Dengan memanfaatkan kedudukan strategik dan membangunkan sektor-sektor ekonomi alternatif ini, kita dapat mewujudkan peluang pekerjaan baharu yang meningkatkan pendapatan negara dan memperkukuh daya tahan ekonomi kita dalam menghadapi cabaran global," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

keperluan, Yang Berhormat berkata negara masih bergantung kepada import dengan kadar 70 peratus dan tahap kebergantungan ini telah konsisten di sekitar 75 peratus selama beberapa tahun.

Tegas Yang Berhormat lagi, ini adalah isu yang membimbangkan yang perlu ditangani dengan segera dan apakah rancangan dan sasaran konkrit yang telah ditetapkan untuk mengurangkan kebergantungan ini?

Ke arah itu kata Yang Berhormat, pihak kementerian perlu mempunyai sasaran yang jelas serta strategik yang terperinci untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan

dan dalam hal ini mencadangkan agar kita menetapkan sasaran pengurangan yang sederhana misalnya 10 peratus dan berusaha untuk mencapai sasaran tersebut melalui pelbagai pelan dan inisiatif.

"Dalam usaha mengukuhkan sektor makanan untuk mendapat gambaran harga sebenar, kaola mencadangkan agar kita menjalankan kajian terperinci mengenai rantaian bekalan (*supply chain*).

"Ini boleh dilakukan dengan memfokuskan kajian pada satu jenama produk makanan tertentu dari peringkat pengilang, pengedar hingga ke penjual," ujar Yang Berhormat lagi.



ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan berkenaan.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



SEKTOR HILIRAN MINYAK, GAS MENYUMBANG PENINGKATAN EKSPORT PRODUK



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

2025/2026 bagi Tahun Kewangan 2025/2026 pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Sukacita kaola merujuk buku biru Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2025/2026 dan pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II khusus slaid muka surat ke 51 dan 52.

"Kaola musykil mengenai jumlah hasil dari sektor bukan minyak dan gas iaitu berbeza jumlahnya secara keseluruhan sebanyak BND802.24 juta jika dibandingkan dengan jumlah pecahan yang berjumlah BND765.57 juta.

"Apakah secara terperinci jumlah wang BND36.67 ini? Kaola musykil," soal Yang Berhormat.

Yang Berhormat memohon izin membentangkan perbahasan

mengenai dengan belanjawan ini hasil dari penelitian awal yang merujuk buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan, semoga dapatan tepat dan selaras dengan apa yang dibentangkan.

Usaha ke arah mengurangkan defisit 3.1 bilion haruslah ditingkatkan lagi usaha yang bersepadu pihak kerajaan selaku pemudah cara dan sektor swasta serta pelabur asing selaku enjin atau pemacu kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut Yang Berhormat, sifat saling faham memahami di antara pihak kerajaan dan swasta amatlah penting dalam sama-sama memastikan usaha pergerakan memercu aktiviti-aktiviti perniagaan adalah cepat dan berhasil.

"Kaola yakin jika sekiranya usaha memudah cara dari pihak kerajaan berjalan dengan lebih lancar, pihak sektor swasta akan dapat lagi bergerak dengan cepat untuk menggegar aktiviti - aktiviti perniagaan mereka," jelas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, setelah meneliti dengan lebih lanjut, anggaran kutipan hasil keseluruhan pada tahun 2025/2026 iaitu berjumlah BND3.257 bilion dengan kutipan hasil keseluruhan bagi tahun 2024/2025 berjumlah BND3.352 bilion.

Anggaran kutipan hasil pada tahun 2025/2026 ini tegas Yang Berhormat, menurun sebanyak BND94.6 juta iaitu penurunan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

pada kadar 2.8 peratus. Jika dibandingkan lagi dengan tahun 2023/2024, kadar penurunan ini adalah lebih besar jurangnya iaitu sebanyak 11.8 peratus iaitu BND430 juta. BND3.694 bilion pada 2023/2024 ditolak dengan BND3.275 bilion 2025/2026.

Seperti yang *kitani* maklum tambah Yang Berhormat, 75 peratus dari hasil kutipan ini disumbangkan dari hasil minyak dan gas, 21.4 peratus dari hasil kementerian, jabatan kerajaan dan selebihnya 3.6 peratus hasil dari pulangan pelaburan dan simpanan serta lebih hasil dari badan-badan berkanun.

Semasa persidangan tersebut, Yang Berhormat turut membangkitkan satu tinjauan mengenai dengan unjuran hasil dari kementerian atau jabatan bagi tahun 2025/2026 adalah tidak banyak kenaikannya.

"Ada yang *stagnant* tidak berubah dan ada yang menurun dari tahun sebelumnya. Penurunan ini lagi sangat ketara jurangnya jika dibandingkan dengan kutipan tahun 2023/2024 khusus hasil kutipan cukai-cukai iaitu BND85.7 juta lebih kurang 20 peratus.

"Mungkin ada sebab-sebab tertentu mengenai penurunan ini, akan tetapi apa yang kaola boleh simpulkan di sini ialah ia menunjukkan usaha-usaha dari

sektor awam memerlukan usaha yang lebih gigih lagi.

"Sesetengah pegawai kerajaan juga perlu memahami dengan mendalamnya bahawa jika urusan sektor swasta dipermudahkan, insyaaAllah akan bertambah lagi aktiviti perniagaan syarikat tempatan dan akan bertambah jualan sumbangan cukai syarikat-syarikat tempatan kepada kutipan hasil kerajaan," ujar Yang Berhormat.

Pada persidangan tersebut, Yang Berhormat juga turut mengongsikan beberapa peluang yang dipercayai boleh meningkatkan hasil fiskal negara antaranya seperti bagi Kementerian Pembangunan iaitu peluang kutipan hasil dari pajakan atau sewa tanah di bawah Jabatan Tanah seluruh negara.

Sementara ujar Yang Berhormat lagi, bangunan terbiar di bawah kementerian tersebut dan jua kementerian lain, boleh ditawarkan kepada sektor swasta untuk diubah suai atau diperbaiki atau dibangunkan semula dengan perbelanjaan sektor swasta, bukan kerajaan, untuk menjana pendapatan syarikat sambil menyumbang kepada GDP dan dapatan hasil kementerian berkenaan melalui hasil dan sewa atau pajakan atau hasil kongsi sama *revenue sharing*.

Memperkenalkan skim sewa beli, teroka konsep perumahan teknologi hijau

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Peruntukan sebanyak BND6.35 bilion yang telah dibentangkan jelas memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk memacu pembangunan negara, memperkukuh daya saing ekonomi dan memastikan kebajikan rakyat terpelihara.

Dengan tema belanjawan 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur', menunjukkan bahawa kejayaan negara bergantung kepada usaha kolektif antara kerajaan, sektor swasta dan rakyat dalam memastikan pembangunan negara terus seiring dengan Wawasan Brunei 2035.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat semasa membahaskan rang Undang-undang Perbekalan, 2025/2026 bagi Tahun Kewangan 2025/2026 pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Sebagai wakil daerah, kaola melihat bahawa belanjawan ini tidak hanya bertumpu kepada pembangunan ekonomi makro tetapi juga merangkumi usaha untuk memperkukuh pembangunan di peringkat

daerah termasuk peningkatan infrastruktur, pemerksa ekonomi setempat, kebajikan sosial serta penyediaan peluang pekerjaan bagi masyarakat luar bandar.

"Oleh itu, dalam perbahasan ini, kaola ingin menyentuh aspek-aspek utama yang secara langsung memberi kesan kepada rakyat di daerah khususnya dalam pembangunan infrastruktur, kesejahteraan sosial, peluang ekonomi serta pembangunan modal insan.

"Salah satu aspek utama yang kaola ingin tekankan ialah pembangunan infrastruktur dan penyediaan perkhidmatan asas di daerah di mana kaola menyambut baik usaha kerajaan dalam memastikan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air bersih, jalan raya dan sistem telekomunikasi terus ditingkatkan, namun realiti di lapangan menunjukkan bahawa masih terdapat daerah-daerah yang mengalami cabaran dalam akses kepada infrastruktur ini terutamanya di kawasan terpencil," jelas Yang Berhormat.

Menyentuh dalam aspek telekomunikasi, Yang Berhormat menjelaskan meskipun kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi meningkatkan liputan rangkaian internet di kawasan luar bandar namun usaha ini perlu dipercepatkan.

Tegas Yang Berhormat, ekonomi digital semakin berkembang pesat dan akses

kepada internet berkelajuan tinggi bukan lagi satu kemewahan tetapi keperluan asas untuk membolehkan masyarakat luar bandar menyertai ekonomi moden.

Ini kata Yang Berhormat, termasuk peluang dalam keusahawanan digital, pendidikan dalam talian serta perkhidmatan kerajaan secara elektronik.

Oleh kerana itu, Yang Berhormat mencadangkan agar supaya kerajaan memberikan insentif kepada penyedia perkhidmatan telekomunikasi untuk memperluaskan liputan mereka ke kawasan terpencil serta menyediakan program latihan digital kepada komuniti luar bandar untuk memastikan mereka dapat memanfaatkan teknologi dengan sebaiknya.

Menyentuh isu bekalan air bersih dan penyelenggaraan jalan raya tegas Yang Berhormat, masih menjadi cabaran utama di beberapa daerah dan ke arah itu mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan mekanisme penyelenggaraan berjadual bagi memastikan jalan raya di kawasan luar bandar sentiasa berada dalam keadaan baik terutama bagi kampung-kampung yang

masih menggunakan jalan berturap tanah dan mudah rosak ketika musim hujan.

Menyentuh tentang isu pemilihan rumah yang merupakan salah satu cabaran utama bagi rakyat terutamanya golongan muda dan berpendapatan rendah atau sederhana, Yang Berhormat menyambut baik inisiatif kerajaan dalam meningkatkan kadar pemilihan rumah kepada 67.1 peratus yang menunjukkan keberkesanan program perumahan yang dilaksanakan.

Namun kata Yang Berhormat, masih terdapat ramai yang belum mampu memiliki rumah sendiri akibat kos perumahan yang tinggi.

"Kaola mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan skim sewa beli yang lebih fleksibel serta meneroka konsep perumahan berasaskan teknologi hijau dan pembinaan kos rendah untuk meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik.

"Dalam aspek ekonomi daerah, kaola menyokong usaha kerajaan dalam memperkukuh sektor pelancongan sebagai pemacu ekonomi luar bandar, seperti Daerah Temburong, Tutong dan Belait mempunyai potensi besar



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

dalam ekopelancongan dan pelancongan berasaskan budaya yang boleh menarik lebih ramai pelancong dan meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

"Sebagai kesimpulan, belanjawan ini adalah satu perancangan yang kukuh dan strategik yang tidak hanya tertumpu kepada pembangunan bandar, tetapi juga memberikan perhatian kepada pembangunan luar bandar dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

MASJID AZ-ZAKIREEN MERAGANG ANJUR MAJLIS BERTADARUS

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



SEKITAR Majlis Tadarus bagi Kelas Bimbingan Muslimah Seluruh Negara sempena Tadarus Al-Quran di bulan Ramadan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Agama dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen Meragang (atas dan kanan).

MERAGANG, Selasa, 4 Mac. - Sempena bulan Ramadan yang mulia dan penuh keberkatan ini, masjid-masjid di seluruh negara dimeriahkan dengan Majlis-majlis Bertadarus bagi menyemarakkan suasana bulan yang penuh rahmat ini.

Sehubungan itu, Bahagian Hal

Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Agama dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen Meragang mengendalikannya Majlis Bertadarus bagi Kelas Bimbingan Muslimah Seluruh Negara sempena Tadarus



Al-Quran di bulan Ramadan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di masjid tersebut, pagi tadi.

Antara tujuan utama majlis ini diadakan adalah untuk menggalakkan para Muslimah agar terus mengamalkan bacaan Al-Quran sehingga khatam di

samping melazimkan diri dengan memperbanyakkan amal ibadah pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Dengan adanya majlis seumpama ini juga diharap akan dapat mengeratkan lagi silaturahmi sesama Muslimah sekali gus meraih ganjaran pahala berlipat

ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadirin yang memeriahkan majlis ini termasuk pegawai-pegawai dari JHEM, Muslimah Masjid Az-Zakireen Meragang serta para peserta Tadarus yang mewakili masjid-masjid seluruh negara.



MINDA PEMBACA

Semai semangat patriotisme

TATKALA usia kemerdekaan negara kini mencecah 41 tahun, rakyat dan penduduk di negara ini boleh dikatakan semakin matang dalam memahami makna sebenar patriotisme. Semangat cintakan kepada negara bukan sekadar diuar-uarkan pada setiap bulan Februari. Sebaliknya, ia perlu disemai, dipupuk dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Patriotisme dapat dizahirkan dalam bentuk tindakan kecil tetapi bermakna contohnya dengan mematuhi undang-undang, menyokong aktiviti perekonomian di negara sendiri dan sikap saling hormat-menghormati dengan orang lain. Sebagai individu yang patriotik,

kita perlu menjauhkan diri daripada terjerumus dalam aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Tindakan sedemikian bukan sahaja merugikan negara tetapi juga menghakik kepercayaan orang ramai kepada pihak kerajaan. Pemuatan undang-undang menunjukkan sikap bertanggungjawab dan kesetiaan individu terhadap kedaulatan negara.

Manakala, tindakan menyokong aktiviti perekonomian di negara sendiri melalui pembelian produk tempatan adalah salah satu cara untuk memperkukuhkan semangat patriotisme kerana ia dapat membangkitkan rasa bangga terhadap hasil tangan anak tempatan. Usaha ini

akan membantu merencanakan pembangunan ekonomi negara di samping akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Produk tempatan juga dilihat semakin berinovasi dan kompetitif sekali gus mengurangkan keperluan untuk berbelanja di luar negara.

Selain itu, tindakan saling hormat-menghormati sesama masyarakat juga berkait rapat dengan semangat patriotisme. Patriotisme menuntut kita untuk menghargai kepelbagaian dan meraikan setiap perbezaan yang ada. Sebagai sebuah negara yang mempunyai tujuh puak jati yang berlainan, rasa hormat akan perbezaan budaya, agama dan latar belakang adalah asas penting dalam

perpaduan negara. Dengan mengamalkan sikap saling hormat-menghormati, kita dapat menghindari isu perkauman yang boleh memecah-belahkan kestabilan dan keharmonian negara. Kewujudan komuniti atau masyarakat yang harmoni akan meletakkan kepentingan negara berbanding kepentingan peribadi.

Kesimpulannya, bagi memastikan kesinambungan semangat patriotisme ini tidak akan luntur, usaha untuk mempertahankan dan menyemainya kepada semua peringkat umur perlu dimulakan dari sekarang. Tanggungjawab ini bukan terletak di bahu kerajaan semata-mata tetapi juga harus digalas oleh ibu bapa, masyarakat dan individu sendiri.

Nama : Ahmad Danial bin Jaafar
No. K/P: 01-130XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hargai Khazanah Alam Semula Jadi'. Tarikh Tutup : 5 Mac 2025
2. 'Bersatu Mencapai Cita Negara'. Tarikh Tutup : 12 Mac 2025
3. 'Elakkan Pembaziran, Budayakan Amalan Bersederhana'. Tarikh Tutup : 19 Mac 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Berniat Tidak Meneruskan Puasa Pada Siang Hari

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

NIAT merupakan salah satu rukun dalam ibadat puasa. Hukumnya adalah wajib. Tanpa berniat puasa, tidak sah puasa seseorang itu sama ada puasa yang dilakukan itu puasa Ramadhan, puasa nazar mahupun puasa-puasa sunat walaupun dia menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa, seperti makan dan minum. Pensyariaan niat berdasarkan hadits yang diriwayatkan daripada 'Umar bin al-Khaththab *Radhiallahu 'anhu*, beliau mendengar Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Maksudnya : *Sesungguhnya amalan-amalan itu (bergantung) pada niat-niat dan sesungguhnya bagi setiap orang itu (balasan dari) apa yang dia niatkan.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Waktu berniat bagi puasa bulan Ramadhan dan puasa-puasa wajib yang lain seperti puasa qadha, puasa kafarah, puasa nazar dan puasa kerana membayar fidyah haji adalah pada sepanjang malam bermula daripada terbenam matahari iaitu masuk waktu Maghrib sehingga terbit fajar *shadiq* iaitu masuk waktu Subuh. Oleh itu, sah niat puasa yang dilakukan pada mana-mana bahagian daripada waktu tersebut. Sekiranya seseorang itu berniat puasa sebelum matahari

ERTINYA: Dan jika orang yang berpuasa berniat meninggalkan puasa serta-merta atau (dengan syarat) yang digantungkan seperti dia berkata: "Aku meninggalkan puasaku" atau "Aku keluar daripadanya (puasaku)" atau "Apabila Polan datang, aku meninggalkan puasaku atau aku keluar daripadanya (puasaku)" atau dia berniat menukarnya (puasanya menjadi puasa) sunat atau (puasa) wajib yang lain, (semua itu) tidak membatalkan (puasa) sama seperti haji.

terbenam atau selepas terbit fajar walaupun sedetik, maka tidak sah puasanya.

Manakala berniat bagi puasa-puasa sunat pula, tidak disyaratkan pada waktu malam. Ia sah dilakukan pada siang hari sebelum tergelincir matahari (sebelum masuk waktu Zuhur) dengan syarat orang berpuasa itu memenuhi semua syarat sah puasa seperti suci daripada haidh dan nifas, tidak melakukan perkara-perkara membatalkan puasa seperti makan, minum dan seumpamanya.

Namun timbul persoalan, apakah kedudukan puasa bagi seseorang yang berniat pada siang hari untuk tidak meneruskan puasanya pada hari tersebut? Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Menurut pendapat *al-ashah*, jika seseorang berniat pada siang hari untuk keluar daripada menunaikan puasa sama ada puasa wajib atau puasa sunat, maka perbuatannya berniat pada siang hari


untuk keluar daripada menunaikan puasa itu adalah tidak membatalkan puasanya sebagaimana tidak membatalkan haji apabila seseorang yang berihram haji berniat keluar daripada ihram hajinya. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Raudhah ath-Thalibin* berkata:

Ertinya: *Dan sekiranya (orang yang berpuasa) memutuskan untuk berniat keluar daripadanya (puasa), tidak batal (puasanya) menurut pendapat al-ashah seperti (berniat keluar daripada ihram) haji.*

Asy-Syaikh Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* ada juga menjelaskan dalam kitab *Asna al-Mathalib fi Syarh Raudh ath-Thalib*, katanya:

Ertinya: *Dan jika orang yang berpuasa berniat meninggalkan puasa serta-merta atau (dengan syarat) yang digantungkan seperti dia berkata: "Aku meninggalkan puasaku" atau "Aku keluar daripadanya (puasaku)" atau "Apabila Polan datang, aku meninggalkan puasaku atau aku keluar daripadanya (puasaku)" atau dia berniat menukarnya (puasanya menjadi puasa) sunat atau (puasa) wajib yang lain, (semua itu) tidak membatalkan (puasa) sama seperti haji.*

Berdasarkan penjelasan ulama di atas, jika orang yang berpuasa memutuskan niat puasanya pada siang hari dengan niat serta merta seperti katanya "Aku keluar daripada puasaku", maka puasanya tidak batal dengan niat tersebut. Demikian juga, jika orang yang berpuasa itu menggantungkan niatnya dengan sesuatu perkara seperti katanya "Apabila Ali datang ke rumahku, maka aku keluar daripada puasaku". Jika terjadi perkara yang digantungkannya itu, iaitu Ali datang ke rumahnya, maka tidak batal puasanya dengan niat tersebut. Begitu juga jika orang yang berpuasa itu menukar niat



puasanya seperti seseorang yang sedang berpuasa Ramadhan kemudian dia mengubah niatnya kepada puasa sunat atau puasa nazar, maka tidak batal puasanya dengan niat tersebut.

Berbeza pula halnya sekiranya seseorang berniat puasa pada malam hari kemudian dia berniat untuk memutuskan niat itu pada malam itu juga iaitu sebelum terbit fajar, maka terputus niat puasanya. Berkenaan dengan perkara ini, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab* menukil perkataan Imam al-Mutawalli *Rahimahullah*, katanya:

Ertinya: *Jika seseorang berniat (puasa) pada malam hari kemudian dia memutuskan niat (puasa tersebut) sebelum fajar, jatuh hukum niat (memutuskan) itu kerana meninggalkan berniat adalah lawan bagi berniat, berbeza halnya jika seseorang makan pada malam hari selepas melakukan niat (sebelum terbit fajar), tidak batal (niat puasanya) kerana makan bukan lawan baginya (niat berpuasa).*

Oleh yang demikian, seseorang yang memutuskan niat puasa sebelum terbit fajar, maka niatnya terputus dan dia dianggap tidak berniat puasa. Maka jika dia hendak berpuasa pada keesokan hari hendaklah dia berniat puasa sekali lagi pada malam itu.

Demikian penjelasan mengenai berniat tidak meneruskan puasa pada siang hari.

ERTINYA : Jika seseorang berniat (puasa) pada malam hari kemudian dia memutuskan niat (puasa tersebut) sebelum fajar, jatuh hukum niat (memutuskan) itu kerana meninggalkan berniat adalah lawan bagi berniat, berbeza halnya jika seseorang makan pada malam hari selepas melakukan niat (sebelum terbit fajar), tidak batal (niat puasanya) kerana makan bukan lawan baginya (niat berpuasa).

منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAAAN ALLAH كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

8 asnaf yang berhak menerima zakat

(zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka. Dan doakanlah mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi sebab ketenteraman jiwa mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Harta yang wajib dikeluarkan zakat ialah :

- 1) Binatang ternakan iaitu unta, lembu, kerbau dan kambing.
- 2) Biji-bijian iaitu beras, gandum, jagung dan biji-bijian yang menjadi makanan asasi manusia.
- 3) Buah-buahan seperti kurma dan anggur.
- 4) Emas dan perak termasuk mata wang.
- 5) Harta galian dan rikaz iaitu harta yang terpendam dalam perut bumi dan harta perniagaan.

Zakat Fitrah diwajibkan ke atas setiap umat Islam manakala Zakat Harta hanya diwajibkan kepada tiap-tiap orang Islam yang mempunyai harta mengikut syarat-syaratnya. Terdapat lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat iaitu :

Fakir

Fakir ialah orang Islam yang tiada harta atau pendapatan atau ada harta atau pendapatan yang tidak dapat mencapai 50 peratus untuk memenuhi keperluan asasi dirinya dan orang-orang yang di bawah tanggunganannya.

Miskin

Miskin ialah orang Islam yang mempunyai harta atau pendapatan yang hanya boleh menampung lebih 50 peratus tetapi tidak mencapai 100 peratus untuk memenuhi keperluan asasi diri dan orang-orang yang berada di bawah tanggunganannya.

Amil

Amil ialah orang yang bertanggungjawab menjalankan urusan pungutan dan agihan zakat.

Mualaf

Mualaf ialah orang yang baru memeluk agama Islam atau telah memeluk agama Islam tetapi tahap keimanannya masih lemah.

Ar-Riqab

Memerdakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelunggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

Al-Gharimin

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggunganannya atau masyarakat yang

memerlukan penyelesaian segera yang dibenarkan oleh hukum syarak.

Fisabilillah

Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti untuk menegakkan dakwah agama Islam serta kebajikannya.

Ibnussabil

Mana-mana orang dalam perjalanan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh hukum syarak dari mana-mana negeri atau negara yang memerlukan bantuan seperti :

- Putus bekalan dalam perjalanannya.
 - Tidak dapat memanfaatkan hartanya untuk meneruskan perjalanan.
 - Memerlukan kemudahan asas dalam masalah perjalanan.
 - Ditinggalkan dalam perjalanan.
- Di negara kita terdapat tempat disediakan untuk memudahkan kita membayar zakat seperti Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) atau pun melalui amil-amil yang dilantik dan juga institusi kewangan yang telah dibenarkan oleh MUIB. Mudah-mudahan zakat yang kita keluarkan akan memberi kesan yang mendalam kepada kita semua terutama dalam meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

BULAN Ramadan adalah bulan keemasan untuk umat Islam meningkatkan amal ibadat serta memantapkan iman dan membersihkan diri dari perbuatan maksiat yang didorong oleh hawa nafsu atau godaan syaitan. Di dalam bulan yang suci inilah sepatutnya kita muhasabah diri atas perbuatan dan amalan yang telah dilakukan sebelum ini.

Hukum syarak telah menetapkan bahawa dalam bulan Ramadan ini umat Islam diwajibkan membayar Zakat Fitrah. Kefarduan Zakat Fitrah di bulan Ramadan ini menggambarkan betapa eratnya hubungan puasa dan ibadat zakat. Kedua-duanya wajib dikerjakan dengan sempurna. Maka tidak sempurna agama seseorang itu jika hanya melakukan salah satu daripadanya.

Menyentuh mengenai zakat, terdapat sebilangan orang yang beranggapan zakat itu adalah Zakat Fitrah sahaja yang dikeluarkan pada setiap tahun di bulan Ramadan, sedangkan zakat itu sebenarnya ada terbahagi kepada dua iaitu Zakat Fitrah dan Zakat Harta.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At-Taubah, ayat 103 yang terjemahannya : "Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah


**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam

Kelas
II, III, IV & V

Kategori
S07

Tarikh Buka Tawaran pada :
5 Mac, 2025 (Rabu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
25 Mac 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
8 April, 2025 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas, Bandar
Seri Begawan BB3510, Negara
Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T004 / 2025
Kerja-Kerja Pemotongan
Pokok Dan Pencantasan Di
Kawasan Daerah Brunei Muara,
Negara Brunei Darussalam Bagi
Tempoh Tiga (3) Tahun (FSOR) –
Zon B

No. Projek:
JASTRE / BL / T004 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam

Kelas
II, III, IV & V

Kategori
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada :
5 Mac 2025 (Rabu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
25 Mac 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
8 April 2025 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T003 / 2025
Kerja-Kerja Penambahbaikan
dan Pemeliharaan Landskap Di
Kawasan Landskap Baharu Di
Lebu Raya Tungku (Fasa 2).

No. Projek:
JASTRE / BL / T003 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam

Tarikh Buka Tawaran pada :
5 Mac 2025 (Rabu)

Tarikh Akhir Mengambil :
25 Mac 2025 (Selasa)

**Dokumen Tawaran Tarikh
Tutup Pada :**
8 April 2025 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

Ditutup di Pejabat
Lembaga Tawaran Kecil, di
Tingkat Bawah, Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama
Berakas, Bandar Seri Begawan
BB3510,
Negara Brunei Darussalam

JASTRE / BL / T002 / 2025
Kerja-Kerja Pemotongan
Rumput Sepanjang Lebuhraya
Tungku Menuju Lebuhraya
Muara-Tutong, Negara Brunei
Darussalam bagi tempoh Tiga
(3) Tahun (FSOR)

No. Projek :
JASTRE / BL / T002 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II Sahaja

Kategori:
KA01 dan KPB04 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
19 Mac 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup :
25 Mac 2025 (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam :
12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 011 / 2025

Nama Projek:
Membekal Dan Memasang

Tangki Air SS316 Baharu, Sistem
Pam Peningkat, Penapis Pasir
Dan Paip Air Yang Berkaitan Di
Darul 'Afiyah, Jerudong

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Dalam

Kelas:
II & III sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 007 / 2025 –
(CDE).T.II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Perlindungan
Pantai Di Jalan Kecil Lumut –
Sungai Tali, Mukim Liang

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
25 Mac 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 15 April 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00
Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III Sahaja

Kategori:
[KA01 dan KPB04 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
19 Mac 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup :
25 Mac 2025 (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam :
12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 012 / 2025

Nama Projek:
Membekal Dan Memasang
Tangki Air SS316 Baharu, Sistem
Pam Peningkat, Penapis Pasir
Dan Paip Air Yang Berkaitan Di
Istana Darul Hana, Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**
Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga :**

(01) KPN / ABCI / LBD / 5.1 / 2025
Sebut Harga Bagi
Pengendalian Kursus Asas Bagi
Program Pembangunan
Perniagaan Tempatan (LBD) Di
Bawah Autoriti Kawalan
Bangunan dan Industri
Pembinaan,
Kementerian Pembangunan

**Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut Harga:**
BND10.00

(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
24 Februari 2025

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Khamis,
6 Mac 2025

Tarikh Tutup:
Isnin,
10 Mac 2025
Jam 9.00 Pagi


**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Tawaran:
JDBM / QSTOR / 002 / 2025

Tajuk Tawaran :
Membekalkan Alat-Alat
Tulis Selama Satu Tahun Bagi
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh
Tutup Tawaran :**
11 Mac 2025.
Selasa,
Jam 10.00 Pagi



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
The Supply, Install, Testing And Commissioning Of Integrated Services Digital Network (ISDN) At Department Of Civil Aviation ATELS / 2025 / SH-02

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
5 Mac 2025, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
18 Mac 2025, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
19 Mac 2025, Rabu

tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Bangunan
Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Bilangan Tawaran Sebut Harga:
04 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Mengganti UPS Bateri Yang Rosak Institusi Penjara Maraburong Fasa 1

Bilangan Tawaran Sebut Harga:
05 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Pembekalan Makanan Dan



Minuman Bagi Jabatan Penjara Untuk Tempoh Satu Tahun

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
25 Mac 2025.
(Tidak lewat dari jam 2.00 Petang)



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUSB / 2024-2025
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Sungai Besar.

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUPAPMNB / 2024-2025
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolkihah.

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUL / 2024-2025
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan



Bagi Sekolah Ugama Lamunin.

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUP / 2024-2025
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Penanjong.

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1446H-1447H / 2024M – 2025M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 Ramadhan 1446H /
26 Mac 2025M,
Tidak lewat
jam 12.00 Tengah Hari.



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
E02, E03 dan E05 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
11 Mac 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup :
25 Mac 2025. (Selasa)
Jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 013 / 2025

Nama Projek:
Membekal, Menghantar Dan Memasang Kabel Kuasa Untuk Rumah Pam Baharu Untuk Tangki Simpanan Diplomatik, Daerah Brunei Muara (Tawaran Semula)

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen: -



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 36

Tajuk Tawaran:
“Renovation And Upgrading Works At Ground Floor, Marketing And Promotion Unit, Tourism Development Department, Ministry Of Primary Resources And Tourism”

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
6 Mac 2025.
Jam 12.00
Tengah Hari.



Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 46 / 2025 / SMS(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 47 / 2025 / SMS(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (Surgical Dressings) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 49 / 2025 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Eye

Consumables Items (Acrysoft Toric Posterior Intraocular Chamber IOL) For Eye Center, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 50 / 2025 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Of Phacoemulsification System For Eye Centre At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Tarikh Tutup:
25 Mac 2025
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

BERI PENDEDAHAN PRAKTIKAL PERANAN, ETIKA PENGAMAL UNDANG-UNDANG



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) dengan kerjasama firma guaman Tetuan Hasnah Hassan & Associates menganjurkan Bengkel Kerjaya : Kemahiran Advokasi Sebagai Seorang Pengamal Undang-undang Sivil dan Syariah.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Peguam Sivil, Peguam Syarie, Pengasas, Managing Partner HHA, Dayang Hajah Hasnah binti Hassan; Peguam Sivil, Partner HHA, Dayang Hajah Aziimah binti Haji Mohammad Hambali; dan Peguam Syarie, Awang Muhammad Jafni Fakhri bin Haji Jabidi.

Semasa bengkel, peserta telah diberikan latihan secara langsung dalam aspek penting advokasi. Mereka diajar tentang penyediaan dokumen guaman dan pemfailan kes di mahkamah, selain dilatih dalam pengendalian sesi konsultasi serta penyediaan nasihat guaman.

Latihan turut merangkumi penyediaan pliding, pemeriksaan

saksi, dan penghujahan kes bagi memberikan mereka pengalaman sebenar dalam prosedur perundangan.

Seterusnya, peserta berpeluang menjalani simulasi percabaran serta latihan dalam penyampaian hujah lisan di Moot Court untuk meningkatkan kemahiran advokasi mereka.

Antara tujuan program adalah untuk memberikan pendedahan praktikal mengenai peranan dan etika sebagai seorang pengamal undang-undang serta memperkenalkan kemahiran advokasi yang diperlukan dalam sistem perundangan Sivil dan Syariah di Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) dengan kerjasama firma guaman Tetuan Hasnah Hassan & Associates (HHA) telah menganjurkan Bengkel Kerjaya : Kemahiran Advokasi Sebagai Seorang Pengamal Undang-undang Sivil dan Syariah pada 25 hingga 27 Februari 2025 di Dewan Auditorium dan Moot Court, UNISSA.

Bengkel telah disertai oleh 25 peserta yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi serta Alumni UNISSA.

Fasilitator utama bengkel berkenaan terdiri daripada tiga peguam dari Tetuan HHA, iaitu



BENGGKEL disertai oleh 25 peserta yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi serta Alumni UNISSA.



جاهت كاجي چولچا بروني دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Ketibaan Crystal Symphony meningkatkan pasaran pelayaran global NBD



CRYSTAL Symphony kembali lagi ke Negara Brunei Darussalam menandakan lawatan kedua selepas ketibaan pada tahun lepas (atas), manakala gambar kanan, antara tempat yang dikunjungi oleh penumpang Crystal Symphony.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Crystal Symphony kembali lagi ke Negara Brunei Darussalam (NBD), menandakan lawatan kedua selepas ketibaan pada tahun lepas.

Kapal persiaran mewah berkenaan merupakan kapal antarabangsa keenam melawat NBD tahun ini, membawa 415 penumpang dan 496 anak kapal.

Crystal Symphony tiba dari Kota Kinabalu, Malaysia dan akan meneruskan pelayarannya ke Singapura.

Dalam tempoh singkat mereka di NBD, penumpang Crystal

Symphony berpeluang meneroka ibu negara melalui lawatan ke ibu negara. Jadual mereka termasuk lawatan ke beberapa mercu tanda negara yang paling terkenal seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Kampong Ayer yang bersejarah, Istana Nurul Iman, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan banyak lagi.

Di Pusat Kapal Persiaran, penumpang juga berpeluang untuk membeli cenderamata asli NBD, untuk dibawa pulang sebagai kenangan abadi tentang lawatan mereka.



Beberapa penumpang berkongsi maklum balas mereka tentang pengalaman mereka melawat NBD hari ini, menyatakan komen positif tentang tarikan negara dan keramahan rakyatnya.

Salah seorang penumpang kapal persiaran tersebut, Ott Barnard memuji keramahan mesra dan kebaikan hati rakyat NBD. Beliau mendapati lawatan itu menyeronokkan dan sangat mengesyorkan NBD sebagai destinasi bagi mereka yang ingin meneroka kekayaan budaya dan daya tarikannya.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

Manakala, Lori Michaels dari Amerika Syarikat turut meluahkan rasa terujanya semasa lawatan ke hutan bakau dan dia berpeluang melihat beberapa ekor Monyet Proboscis di dalam habitat semula jadi mereka.

Kembalinya Crystal Symphony menggariskan daya tarikan NBD yang semakin meningkat sebagai destinasi yang sedang berkembang dalam pasaran pelayaran global.

Sebagai kapal persiaran antarabangsa keenam yang

melawat tahun ini, ketibaannya mencerminkan minat yang semakin meningkat untuk menggabungkan NBD ke dalam jadual perjalanan pelayaran.

Dengan MS Riviera dijadualkan kembali pada 13 Mac, NBD terus meningkatkan kedudukannya sebagai pelabuhan yang mengalu-alukan para pengembara pelayaran antarabangsa, menawarkan pengalaman yang menggalakkan lawatan berulang.

RAKYAT PERLU SOKONG BARANGAN BUATAN TEMPATAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

MENTIRI, Isnin, 3 Mac. - Sebagai sebuah negara yang maju dan membangun, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berjaya mengeluarkan pelbagai produk serta barangan sendiri atas hasil keringat para usahawan kecil dan sederhana yang diterajui oleh anak-anak tempatan.

Sudah tiba masanya untuk rakyat di negara ini membuka mata tentang barangan buatan tempatan kerana kualitinya juga tidak

kurang hebat dan setanding dengan barangan luar negara, malah segelintirnya ada yang lebih baik daripada produk luar negara.

Perkembangan ekonomi adalah satu fokus utama yang perlu sentiasa diberi perhatian oleh semua pihak. Ia bukan sahaja untuk mempelbagaikan sektor ekonomi negara, tetapi juga memainkan peranan khusus dalam mendukung usaha-usaha lain seperti dalam memperkasa

pemindahan pengetahuan, meningkatkan kualiti pendidikan, menggalakkan inovasi dan penggunaan teknologi, dan lain-lain, sekali gus memperkukuh sosioekonomi negara.

Satu kepentingan paling dominan dalam membeli barangan buatan negara sendiri ialah dapat mengelakkan pengaliran mata wang kita ke luar negara. Mata wang negara kita tidak akan mengalir keluar jika rakyat NBD sendiri mengutamakan dan membeli barangan tempatan dalam memenuhi keperluan harian mereka.

Dana utama negara juga akan meningkat sekali gus akan dapat membendung masalah inflasi. Sudah sampai masanya rakyat di negara ini mengubah tanggapan negatif yang beranggapan bahawa barangan import lebih baik daripada barangan tempatan.

Apa yang diharapkan, orang

MEMBELI barangan buatan negara sendiri dapat mengelakkan pengaliran mata wang kita ke luar negara dan mampu meningkatkan dana utama negara sekali gus dapat membendung masalah inflasi (kiri dan atas kanan).



ramai membeli produk buatan tempatan secara berterusan yang secara tidak langsung membantu mempromosikan produk tempatan bahawa produk keluaran tempatan sendiri dapat membanggakan serta menjana ekonomi negara.

Selain itu, penduduk kampung juga mempunyai peranan yang besar dalam menyokong usaha berkenaan dengan menyertai aktiviti ekonomi baharu seperti pertanian moden, pelancongan desa serta Perusahaan, Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Mereka boleh menjadi lebih berdikari dalam menjana pendapatan sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara menyeluruh justeru bimbingan serta sokongan daripada kerajaan dan sektor swasta amat diperlukan.

Oleh itu, kita perlu memastikan akses kepada latihan teknologi serta bantuan kewangan yang mencukupi agar inisiatif berkenaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.



Kadar kepatuhan meningkat pada tahun 2024



JABATAN Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna semasa menjalankan pemeriksaan rutin harian di keempat-empat daerah, operasi bersepadu bersama agensi penguat kuasa lain dan usaha pembarigaan terhadap kesedaran mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 secara berterusan (kiri, kanan dan bawah kiri).

bersepadu bersama agensi penguat kuasa lain dan usaha pembarigaan terhadap kesedaran mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 secara berterusan.

Sehubungan dengan itu, peningkatan pematuhan di kalangan peniaga terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 adalah perkembangan yang menggalakkan ke arah membantu menyumbang kepada melahirkan iklim perniagaan yang beretika sebagai asas dalam membina keyakinan pengguna dan persekitaran perniagaan yang sihat.

Manakala kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 yang kerap didapati pada tahun 2024 adalah menjual barangan yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula, melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Kesalahan lain adalah ketidakpatuhan terhadap Perintah Paparan Tanda Harga iaitu gagal mempamerkan tanda harga pada barangan yang dijual di dalam premis perniagaan atau mempamerkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem kaunter pembayaran.

Sebanyak 11 buah premis perniagaan dikenakan kompaun di



bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 pada suku keempat tahun 2024 hingga suku pertama tahun 2025 seperti keterangan di bawah. Jumlah kompaun dikenakan adalah tertakluk kepada kekerapan kesalahan dibuat oleh premis perniagaan.

JPES ingin menekankan kepentingan bagi peniaga untuk mengamalkan amalan perniagaan yang beretika dan persaingan yang sihat, dengan menawarkan harga yang kompetitif di bawah harga maksimum yang ditetapkan bagi barangan yang dikawal harga. Senarai harga

maksimum terkini boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang JPES di www.deps.mofe.gov.bn.

Dalam pada itu, pengguna adalah dinasihatkan untuk menyalurkan aduan mengenai kawalan harga melalui saluran rasmi aplikasi mudah alih PenggunaBijak, Talian Darussalam 123 atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn, dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik



>> Muka 1

Kadar kepatuhan yang positif ini adalah hasil daripada usaha

JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna dalam menjalankan pemeriksaan rutin harian di keempat-empat daerah, operasi

OPERASI SEPADU TEMUI BARANG TEGAHAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Bertindak atas maklumat mengenai pergerakan mencurigakan di perairan, satu Operasi Sepadu melibatkan Polis Marin (POLMAR) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah diaktifkan.

Dalam kejadian sekitar waktu Subuh, pasukan rondaan ABDB mengesan dua perahu yang dipercayai membawa muatan barang tegahan di kawasan perairan Sungai Bunga.

Menyedari kehadiran pasukan operasi, kedua-dua perahu tersebut cuba melarikan diri secara berasingan. Salah sebuah perahu memasuki kawasan hutan bakau dan suspek kemudiannya meninggalkan perahu dan melarikan diri ke dalam hutan, sementara perahu kedua berjaya melepaskan diri dan tidak dapat dikesan.

Hasil siasatan lanjut mengesahkan bahawa perahu tersebut membawa barangan tegahan iaitu 860 karton rokok

pelbagai jenama dan minuman keras pelbagai jenis sebanyak 97 tin dan 21 botol.

Kes ini disiasat di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006. Semua barang rampasan, termasuk perahu, telah diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk tindakan dan siasatan lanjut.

Pasukan keselamatan akan terus mempertingkatkan operasi penguatkuasaan bagi memastikan perairan negara bebas daripada sebarang kegiatan jenayah. PPDB juga menyeru kepada orang ramai agar melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan atau menyalahi undang-undang, khususnya di kawasan perairan, demi memastikan keamanan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam.



PASUKAN rondaan ABDB mengesan dua perahu yang dipercayai membawa muatan barang tegahan di kawasan perairan Sungai Bunga (atas), manakala gambar bawah kiri, hasil siasatan lanjut mengesahkan bahawa perahu tersebut membawa barangan tegahan iaitu 860 karton rokok pelbagai jenama dan minuman keras pelbagai jenis sebanyak 97 tin dan 21 botol.





جابتن فرانتخن ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

“buleh percaya kan tu?”

“mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?”

“ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?”

“iawah? banar kan tawarannya ani?”

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Pendaftaran Peperiksaan SPUB, STPUB, SSSRU dibukakan

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sukacita memaklumkan bahawa pendaftaran bagi Peperiksaan-peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB), Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masahi akan dibuka mulai Selasa, 4 Mac 2025 hingga Isnin, 21 April 2025.

Sehubungan itu, sukacita memaklumkan kepada pengetua-pengetua sekolah menengah Arab, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkih dan guru-guru besar sekolah ugama yang berkenaan untuk berhubung terus dengan pihak Bahagian Peperiksaan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai borang-borang pendaftaran berkenaan.

Bagi calon-calon persendirian yang berkeinginan untuk menduduki Peperiksaan SPUB, STPUB dan SSSRU, Tahun 1446H / 2025M, supaya akan dapat mengambil Borang-borang Pendaftaran di Pejabat Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam bertempat di Tingkat Bawah Bangunan KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas, BB3910, semasa waktu pejabat.

Selera KAMPUNG Kitani





Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Nasi Goreng Mumong Kampung Mumong, KB

BAHAN-BAHANNYA :

- 2 mangkuk besar nasi yang telah dimasak
- 6 ulas bawang putih
- 5 ulas bawang merah
- 6 biji lada merah
- 100 gram udang kering
- 2 susu makan serbuk kari

- 2 biji telur ayam
- Lobak merah dan buah papaya dihiris halus
- Secukup rasa perasa nasi goreng

merah, bawang putih dan lada merah yang telah ditumbuk dan bahan-bahan dengan menggunakan minyak, sehingga keluar minyak dan masak, masukkan nasi dan gaulkan hingga rata.

CARA-CARA MEMASAKNYA :
Tumiskan bahan-bahan, bawang

BERSIHKAN JIWA, HATI DI BULAN RAMADAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Setiap kali tibanya bulan suci ini, umat Islam di seluruh dunia akan mengambil kesempatan untuk memperbanyakkan amal ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah.

Selain daripada menunaikan ibadah puasa, bulan Ramadan juga adalah masa terbaik untuk membersihkan jiwa dan hati daripada segala sifat mazmumah yang boleh merosakkan diri serta hubungan dengan orang lain.

Dalam kehidupan seharian, manusia sering kali diuji dengan pelbagai godaan duniawi yang boleh menjejaskan kesucian hati. Sifat-sifat negatif seperti dengki, sombong, riak dan dendam boleh menjadi penghalang kepada ketenangan jiwa.

Oleh itu, bulan Ramadan memberikan ruang yang luas kepada kita untuk melakukan muhasabah diri dan berusaha untuk memperbaiki kelemahan yang ada dalam diri masing-masing.

Salah satu cara untuk membersihkan jiwa dan hati ialah dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran dan berzikir.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28 : *"Ketahuilah! Dengan mengingati Allah, hati akan menjadi tenang"*.

Membaca Al-Quran bukan sahaja memberi ketenangan, malah ia juga menjadi penyembuh kepada hati yang resah. Zikir pula dapat membantu seseorang itu lebih mengingati Allah dan menjauhkan diri daripada perbuatan yang tidak baik.

MEMBACA Al-Quran antara salah satu cara untuk membersihkan jiwa dan hati.

Selain itu, memaafkan orang lain juga merupakan langkah penting dalam membersihkan hati. Ramadan mengajar kita untuk bersikap pemaaf dan tidak menyimpan dendam terhadap sesiapa sahaja. Memaafkan bukan sahaja memberi ketenangan jiwa, malah ia juga membuka ruang kepada keberkatan dalam kehidupan kita.

Amalan bersedekah juga merupakan salah satu ibadah yang sangat dianjurkan pada bulan Ramadan. Dengan bersedekah, kita dapat membersihkan hati



daripada sifat kedekut dan tamak. Oleh itu, memperbanyakkan sedekah pada bulan Ramadan bukan sahaja memberi manfaat kepada orang lain, tetapi juga kepada diri kita sendiri.

Kesimpulannya, bulan Ramadan adalah peluang terbaik untuk kita membersihkan jiwa dan hati

dengan memperbanyakkan ibadah, membaca Al-Quran, berzikir, memaafkan orang lain serta bersedekah.

Marilah kita sama-sama merebut peluang ini agar kita menjadi insan yang lebih baik dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Melatih anak kecil untuk berpuasa



SELAMA berpuasa, ajarkan anak-anak untuk melakukan kegiatan positif yang dapat mengalihkan perhatian mereka daripada rasa lapar atau haus.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Hukum berpuasa dalam agama Islam adalah fardu (wajib) bagi setiap Muslim yang memenuhi syarat-syarat tertentu.

Puasa merupakan salah satu dari lima rukun Islam yang harus dilaksanakan oleh setiap Muslim yang sudah baligh dan memenuhi kriteria tertentu, dan puasa pada

bulan Ramadan adalah wajib bagi setiap Muslim yang memenuhi syarat.

Justeru melatih anak-anak kecil untuk berpuasa adalah langkah yang penting dalam membangun keperibadian yang baik dan mendidik mereka tentang nilai-nilai agama sejak kecil lagi.

Berikut adalah beberapa tip untuk melatih anak-anak kecil berpuasa dengan cara yang menyenangkan dan sesuai dengan kemampuan mereka, antaranya memulakan puasa dengan puasa setengah hari, di mana anak-anak kecil tidak harus langsung berpuasa seharian penuh.

Mulailah dengan mengajarkan mereka untuk berpuasa setengah hari atau hanya beberapa jam saja. Ini akan membantu mereka beradaptasi dengan mudah tanpa berasa terlalu terbebani.

Sebelum melatih mereka untuk berpuasa, pastikan anak-anak memahami apa itu puasa dan mengapa kita berpuasa. Gunakan bahasa yang sederhana dan sesuai dengan usia mereka, misalnya dengan menjelaskan bahawa puasa adalah wajib bagi umat Islam bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah, menjaga kesabaran dan berbagi rezeki dengan yang memerlukan.

Selain itu, anak-anak akan berasa lebih termotivasi jika mereka mendapatkan sokongan, dukungan dan pujian atas usaha

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

mereka. Jika mereka berhasil berpuasa walaupun hanya sebentar, beri mereka pujian atau hadiah kecil yang dapat memotivasi lagi mereka untuk melakukan ibadah puasa pada tahun berikutnya secara konsisten.

Ajarkan juga anak-anak untuk menahan makan dan minum pada waktu-waktu tertentu, misalnya hanya pada waktu tertentu pada siang hari dengan hanya beberapa jam, dan dilakukan secara bertahap dengan meningkatkan durasinya, sehingga lama kelamaan nanti mereka akan terbiasa dengan melakukan puasa penuh.

Selama berpuasa, ajarkan anak-anak untuk melakukan kegiatan positif yang dapat mengalihkan perhatian mereka daripada rasa lapar atau haus, antaranya bermain, membaca buku atau kegiatan kreatif lain yang dapat membantu mereka berasa lebih tertarik dan tidak mudah terfikir untuk membatalkan puasanya.

Di samping itu, sajikan makanan yang menarik saat berbuka, di mana momen berbuka menjadi lebih istimewa dengan menyajikan makanan yang mereka sukai. Cara ini juga dapat memberikan motivasi kepada mereka untuk menunggu waktu

berbuka dengan sabar dan jika perlu libatkan mereka dalam proses menyiapkan makanan berbuka untuk membuatnya lebih menyenangkan.

Jika anak-anak awda masih sangat muda, mulailah dengan membiasakan mereka untuk berpuasa pada hari-hari tertentu saja dan beri mereka waktu untuk menyesuaikan diri.

Pastikan anak-anak tetap sihat selama proses belajar berpuasa. Jika mereka merasa tidak enak badan atau kelelahan, biarkan mereka beristirahat dan ajarkan bahawa puasa bukan untuk membahayakan tubuh.

Libatkan seluruh keluarga dalam proses berpuasa. Ketika anak-anak melihat orang dewasa di sekitarnya berpuasa dengan penuh semangat, mereka akan lebih terdorong untuk mengikutinya.

Melatih anak-anak untuk berpuasa dengan cara yang penuh kasih dan pengertian akan membantu mereka memahami nilai-nilai yang terkandung dalam ibadah puasa, sekali gus membuat mereka merasa senang dan termotivasi untuk melanjutkan kebiasaan tersebut pada masa akan datang.



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
Tamat Persekolahan (Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



Kekal produktif ketika berpuasa

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP warga Perkhidmatan Awam perlu melaksanakan tugas-tugas mereka dengan ikhlas, jujur dan amanah yang berlandaskan kepada ajaran dan tuntutan agama Islam. Mereka perlu patuh kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang mengawal perilaku warga Perkhidmatan Awam seperti Peraturan Am Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, arahan-arahan melalui surat keliling dan sebagainya. Antara peraturan-peraturan dan arahan-arahan itu termasuklah mematuhi waktu bekerja dan keluar semasa waktu bekerja.

Bulan Ramadan adalah bulan suci yang penuh berkah bagi umat Muslim. Tetapi menjalankan ibadah puasa sambil tetap bekerja sering kali menjadi cabaran tersendiri apabila rasa lapar, dahaga dan mengantuk boleh menurunkan produktiviti kerja.

Di Negara Brunei Darussalam, waktu bekerja adalah minimum 7½ jam sehari, iaitu dari Isnin hingga Khamis dan Sabtu, mulai jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang. Walau bagaimanapun pada bulan Ramadan waktu bekerja pada bulan tersebut bagi kakitangan awam ditetapkan dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang, manakala pada Jumaat pula dari 8.00 pagi hingga 11.30 pagi.

Sementara itu, bagi pekerja yang menerima gaji hari, waktu bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu bekerja biasa dan penentuan waktu mula bekerja adalah tertakluk kepada budi bicara kementerian dan jabatan masing-masing.

Puasa bukan penghalang sentiasa produktif

Puasa Ramadan bukan penghalang untuk bekerja dengan lebih produktif. Justeru

dengan niat yang tulus dan perancangan yang baik, ibadah puasa dapat menjadi penyuntik semangat kerja. Disiplin dan pengendalian diri yang diperoleh ketika berpuasa dapat diterapkan dalam mengatur waktu dan menyelesaikan tugas secara efisien.

Sebagai seorang penjawat awam, kita seharusnya tetap produktif bekerja saat berpuasa. Menjaga produktiviti ketika berpuasa memanglah satu cabaran terutama cabaran fizikal dan mental. Tetapi dengan persiapan dan strategi yang tepat, kita tetap boleh menjalankan pekerjaan dengan optimum pada bulan Ramadan.

Beberapa perkara boleh membantu agar sentiasa tetap produktif

Puasa menyihatkan tubuh dan fikiran. Dengan pola makan teratur ketika sahur dan bersunghai, nutrien akan menjadi lebih terjaga. Ini boleh memberikan kesan positif pada kesihatan secara keseluruhan, sehingga kita tetap bertenaga dan dapat bekerja secara optimum. Selain itu, puasa juga dapat meningkatkan kejernihan fikiran dan ketenangan batin, yang tentunya akan meningkatkan produktiviti.

Puasa mewujudkan semangat berbagi dan pemedulian. Suasana Ramadan yang penuh kebersamaan dan kedermawanan dapat memotivasi kita untuk bekerja lebih giat. Dengan niat beribadah, kita akan berasa bahawa pekerjaan yang kita lakukan tidak hanya mendatangkan keuntungan kewangan tetapi juga pahala.

Dengan demikian, puasa bukan alasan untuk menjadi tidak produktif dalam bekerja. Justeru sebaliknya, puasa melatih setiap orang untuk lebih berdisiplin dan mandiri dalam kehidupannya.

Tetapi ada sebahagian umat Islam yang sering beranggapan kehadiran bulan suci Ramadan sebagai 'membebani' yang

menilainya sebagai momen penghambat produktiviti dan penurunan semangat kerja. Keadaan tubuh yang lapar dan dahaga membuat bulan puasa sering dijadikan alasan oleh sebahagian orang sebab menurunkan stamina tubuh. Anggapan seperti ini perlu ditangani dengan bijak kerana tidak semua orang memahami dan menghayati keindahan bulan Ramadan yang sentiasa ditunggu-tunggu kedatangannya.

Padahal, seharusnya Ramadan menjadi momen bagi setiap Muslim untuk lebih giat lagi dalam bekerja. Sebagai salah satu aktiviti yang memiliki nilai pahala, semangat kerja di bulan puasa memiliki nilai ganjaran lebih dibanding pada bulan-bulan lainnya.

Oleh yang demikian, setiap pekerja perlu menjalankan tugas diberikan dengan tekun, amanah dan bertanggungjawab sama ada dalam bulan puasa atau bulan-bulan biasa. Hal ini demikian kerana sifat mahmudah (murni) ini akan memberikan impak positif terhadap masyarakat awam.

Terdapat segelintir pekerja melaksanakan tugas diamanahkan secara sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh. Sekiranya sikap sebegini terus berlanjutan, ia akan menjejaskan prestasi sesebuah organisasi kerana tugas dilaksanakan tidak berkualiti atau tidak mencapai tahap memuaskan. Oleh itu sebagai penjawat awam, laksanakanlah tugas-tugas kita dengan jujur dan amanah lebih-lebih lagi ketika ini kita berada dalam bulan puasa. Setiap tugas adalah amanah perlu dijalankan dengan tanggungjawab. Pengawasan atas tindakan individu harus dilakukan melalui prinsip ihsan, dengan kesedaran pengetahuan dan pengawasan Allah Subhanahu Wata'ala bersifat sejagat dan tidak terbatas ruang dan waktu.

Pahala bekerja pada bulan puasa

Untuk itu, kita harus menyedari bahawa selain sebagai usaha untuk memenuhi

keperluan hidup dan menciptakan kemandirian ekonomi, bekerja dengan baik di bulan Ramadan juga memiliki nilai pahala lebih, apalagi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sudah menyampaikan bahawa bekerja memiliki sejumlah pahala yang pelbagai.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyebutkan bahawa salah satu ibadah yang utama ketika berada di bulan Ramadan adalah ibadah bersedekah. Bagi para pekerja yang bekerja dengan tujuan untuk memenuhi keperluan keluarga atau sebagai tulang punggung keluarga, maka akan memperoleh pahala orang bekerja di bulan Ramadan yang bernilai sedekah.

Dalam Al-Quran, Allah mengingatkan manusia bahawa bekerja untuk memenuhi nafkah keluarga termasuk kewajipan. Pada Surah At-Taubah, ayat 105 Allah mengingatkan pentingnya bekerja serta larangan untuk bermalas-malasan.

Dan katakanlah : "Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang Mukmin akan melihat pekerjaanmu itu dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang Mengetahui akan yang ghaib danyang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan".

Bagi siapa saja yang bekerja rutin ketika bulan Ramadan dan kerjanya boleh dikatakan agak berat maka sebaiknya mengambil pemakanan yang seimbang ketika bersahur agar mempunyai stamina yang lebih ketika waktu siang dan tidak mengganggu aktiviti ketika bekerja. Makan secukupnya dan waktu sahur diakhiri, insyaaAllah akan membuat kita lebih bertenaga di siang hari. Itulah beberapa pahala orang bekerja di bulan Ramadan, sehingga akan meningkatkan semangat ketika bekerja di bulan Ramadan.



2 LAGI SYARIKAT DIBENARKAN KENDALI PAKEJ UMRAH

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) dengan sukacita memaklumkan bahawa dua buah lagi agensi pelancongan diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2025 Masihi iaitu JB Travel Agencies Sdn. Bhd. dan PGGMB Travel Service Sdn. Bhd.

Dengan kebenaran yang diberikan tersebut, maka pada masa ini sebanyak 32 buah agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2025M.

Antara syarikat tersebut ialah Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Syarikat Straits Central Agencies Sdn. Bhd., Syarikat Continental Yachting Sdn. Bhd., Syarikat Raudah Al-Amin Sdn. Bhd., Syarikat Titian Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., Syarikat Dar El-Ehsan Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Balurih Travel Sdn. Bhd.

Seterusnya, Syarikat As-Safa Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Abraj Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Aleiya Voyages Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hajat Tours & Travels Agency Sdn. Bhd., Syarikat Al-Haramain Bil Iman Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Miqat Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd. dan Syarikat Ghufuran Travel & Tours Sdn. Bhd.

Sementara itu, Syarikat Hayya Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd., Syarikat Hurriyah Travel Services Sdn. Bhd., Syarikat Ijtihad Travel Sdn. Bhd., Syarikat Lamisa International Tours & Travels Sdn. Bhd., Syarikat Maduli Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Mustaqim Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Az-Zain Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Az Back To Nature Travel Sdn. Bhd.

Kemudian, diteruskan lagi dengan Syarikat El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Qamaroon Tours Sdn. Bhd., Syarikat Simply Umrah (B) Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat JB Travel Agencies Sdn. Bhd., Syarikat PGGMB Travel Services Sdn. Bhd. Senarai penuh Agensi-agensi Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah mengikut Kategori Pakej dan Visa boleh dirujuk pada infografik yang telah disediakan.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan tersebut.

AGENSI-AGENSI PENGENDALI PERKHIDMATAN PAKEJ HAJI DAN PAKEJ UMRAH MENGIKUT KATEGORI PAKEJ DAN VISA



BIL	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH [VISA UMRAH]	PAKEJ UMRAH [VISA PELANCONG ARAB SAUDI]
1	DARUSSALAM SERVICES SDN. BHD.	3 TAHUN [1446 HURAH HINGGA 1448 HURAH]	✓	✓	✓
2	STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN. BHD.		✓	✓	✓
3	CONTINENTAL YACHTING SDN. BHD.		✓	✓	✓
4	RAUDAH AL-AMIN SDN. BHD.		✓	✓	✓
5	TITIAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
6	AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
7	DAR EL EHSAN TRAVEL SDN. BHD.		✓	✓	✓
8	AL-HIJRAH TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
9	BALURIH TRAVEL SDN. BHD.		✓	✓	✓
10	AS-SAFA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
11	AL-ABRAJ TRAVEL & TOURS SDN. BHD.	1 TAHUN [2025 MASHI]	✗	✗	✓
12	ALEIA VOYAGES SDN. BHD.		✗	✗	✓
13	AL-HAJAT TOURS & TRAVELS AGENCY SDN. BHD.		✗	✗	✓
14	AL-HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
15	AL-MIQAT TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
16	FIRDAUS AL-MUNAWWARAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD.		✗	✗	✓
17	GHUFURAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
18	HAYYA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
19	HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN. BHD.		✗	✗	✓
20	HURRIYAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD.		✗	✗	✓
21	IJTIHAD TRAVEL SDN. BHD.		✗	✗	✓
22	LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN. BHD.		✗	✗	✓
23	MADULI AGENCY TRAVEL SDN. BHD.		✗	✗	✓
24	MUSTAQIM TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
25	AZ-ZAIN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
26	AZ BACK TO NATURE TRAVEL SDN. BHD.		✗	✗	✓
27	EL-ABQARI TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
28	HUMZAIK TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
29	QAMAROOON TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
30	SIMPLY UMRAH (B) TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
31	JB TRAVEL AGENCIES SDN. BHD.		✗	✗	✓
32	PGGMB TRAVEL SERVICE SDN. BHD.		✗	✗	✓

(Dikemaskini pada 26 Sya'ban 1446H bersamaan 25 Februari 2025)

Mempersiapkan diri dari segi mental, fizikal

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Segenap umat Islam amat menantikan Ramadan yang merupakan penghulu segala bulan kerana terdapatnya penuh keberkatan dan tersedianya lautan pahala untuk direbut sebanyak-banyaknya selain bulan yang penuh keampunan.

Kedatangan bulan Al-Mubarak yang penuh cabaran antaranya menahan diri dari lapar dahaga dan sebagainya setentunya sangat menguji diri namun demikian Ramadan ini merupakan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang hanya datang setahun sekali yang di dalamnya penuh dengan ganjaran pahala.

Sebelum menyambut kedatangan bulan Ramadan, umat Islam digalakkan untuk mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal sejak dari bulan Syaaban lagi sebagai persediaan awal agar terbiasa untuk mengerjakan ibadat puasa dan lain-lain ibadat di bulan Ramadan.

Apa yang penting adalah

sebelum menjelangnya bulan Ramadan kita hendaklah melakukan perkara-perkara yang dianjurkan dalam Islam dan berdoa agar diberi kesungguhan, ketabahan, kesabaran, keazaman, ketakwaan dan sentiasa beristiqamah dalam mengerjakan amal ibadat pada bulan Ramadan itu nanti.

Mempersiapkan diri untuk kedatangan bulan Ramadan adalah langkah penting agar mampu menjalani ibadat dengan maksimal iaitu dari segi persiapan spiritual, fizikal, mental dan emosi, kewangan dan sosial, menjalinkan silaturahim dan juga mendalami ilmu pengetahuan berkaitan ilmu fiqh puasa.

Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Mohammad Nasyith bin Superi semasa ditemu bual antara lain menjelaskan puasa adalah latihan yang sangat penting dan dapat membina takwa melalui latihan menahan diri daripada melakukan apa-apa perkara yang boleh membatalkan ibadat puasa kita di siang hari. Katanya, dengan ketakwaan kita

dapat mengikuti segala perintah dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala.

"Jika kita tidak dapat melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala untuk berpuasa di siang hari pada bulan Ramadan, ini bermakna kita juga tidak akan mampu untuk mengikuti peraturan-peraturan lain dalam kehidupan.

"Puasa diibaratkan seperti seekor kuda yang dihantar untuk pergi berperang. Sebelum itu, kuda ini akan diberi latihan berlari di padang pasir dan ditahan daripada diberi makan dan minum.

"Akhirnya, kuda yang dapat bertahan itulah yang layak berjuang di medan perang. Begitu juga dengan kita, kita dilatih untuk tidak makan dan minum (puasa) dan kesannya adalah kita oleh bertahan, mampu diri, menahan kepayahan seperti kuda di padang pasir.

"Maka sudah tentu kita mampu menjadi pejuang dengan 'sijil' takwa, mampu menjaga diri daripada segala masalah dan meminta pertolongan hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala," tambahnya.

Di kesempatan ini juga Awang Mohammad Nasyith ingin mengajak umat Islam agar mengambil peluang yang sudah pasti dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang mana setiap amal soleh dan kebajikan yang dilakukan di bulan Ramadan ini, pahalanya akan dilipat gandakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Jaga kualiti ibadat sembahyang fardu kita, memperbanyakkan amalan-amalan sunat seperti mengaji Al-Quran, mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat seperti Tahajud, Duha dan Tarawih, bersedekah dengan



UMAT Islam digalakkan untuk mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal sejak dari bulan Syaaban lagi sebagai persediaan awal agar terbiasa untuk mengerjakan ibadat puasa dan lain-lain ibadat di bulan Ramadan (atas, kiri dan bawah).

kadar yang termampu, memperbanyakkan zikir dan yang penting juga ialah berbakti kepada kedua-dua ibu bapa.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183 yang bermaksud, "*Wahai orang - orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa*".

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menyeru kepada golongan

beriman. Seruan ini bertujuan untuk Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan hadiah kepada orang yang beriman.

Tidakkah kita merasa gembira apabila Allah Subhanahu Wata'ala ingin mengurniakan hadiah kepada kita? Jika seorang pemimpin memanggil untuk memberikan kita hadiah pun sudah boleh membuatkan kita rasa gembira, apatah lagi apabila Allah Subhanahu Wata'ala yang memanggil. Dan hadiahnya adalah puasa.



PFNBD LANTIK YDP BAHARU



PERTUBUHAN Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBD) melantik Pengiran Haji Sulaiman bin Pengiran Haji Md. Salleh sebagai Yang Dipertua baharu bagi Sesi Tahun 2025 - 2026 (atas), manakala gambar kiri dan bawah kanan, sekitar Mesyuarat Agung PFNBD Ke-39 yang diadakan baru-baru ini.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Nezam Roslee

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Mac. - Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBD) telah melantik Pengiran Haji Sulaiman bin Pengiran Haji Md. Salleh sebagai Yang Dipertua

baharu bagi Sesi Tahun 2025 - 2026 semasa Mesyuarat Agung PFNBD Ke-39, baru-baru ini.

Yang Dipertua baru dilantik, Pengiran Haji Sulaiman berharap selain keakraban semua Ahli PFNBD, juga menyeru mereka untuk menggunakan media telekomunikasi pertubuhan yang sedia ada.

Para ahli juga ditekankan untuk menyemak kembali Perlembagaan PFNBD termasuk menambah dan mengubah suai perlembagaan yang sedia ada serta mempergiatkan lagi dengan mengadakan kegiatan sosial.

Pengiran Haji Sulaiman juga menambah, agar para ahli untuk mengendalikan kegiatan menerusi bengkel bimbingan dalam kalangan ahli dan seterusnya kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi. Beliau juga berharap, dengan pengubahsuaian perlembagaan PFNBD akan dapat menarik minat dan kemasukan ahli-ahli yang baharu nanti.

Mesyuarat yang berlangsung di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan di sini merupakan kali ke-39 ia diadakan

dan acara dwitahunan PFNBD.

Selain pembubaran Ahli Jawatankuasa Eksekutif, mesyuarat juga membentangkan mengenai laporan - laporan Pertubuhan Fotografi NBD dari segi kewangan dan aktiviti-aktiviti termasuk *outing*, bengkel dan pameran sepanjang Tahun 2023 - 2024.

Selepas itu, acara diteruskan dengan sesi serah terima tugas daripada mantan Yang Dipertua, Awang Yusma Bahrin bin Dato Paduka Haji Md. Yusof kepada Yang Dipertua yang baru dilantik.

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn



ALAI PINTAR 144

SOALAN 5 MAC 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Cahaya ____ di jalan raya sungguh terang ketika malam. Pilih kata ganda yang paling sesuai.
 - api-api
 - bola-bola
 - lampu-lampu
- Terdapat 500 orang pekerja lelaki dan 250 pekerja perempuan dalam sebuah syarikat. Berapakah jumlah bilangan pekerja dalam syarikat tersebut?
 - 750
 - 800
 - 650
- Berapakah sifat harus bagi Allah Subhanahu Wata'ala yang wajib diketahui?
 - 2
 - 10
 - 1

TARIKH TUTUP : 15 MAC 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

PEMENANG ALAI PINTAR 143 :

Nama : Ayu Masmerra Ashikin binti Abdullah @ Munirah Azwanina
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 00116881-01. Sekolah : Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan

Nama : Mohd Zafran Waquiddin bin Mohd. Zulazmi
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0127621. Sekolah : Sekolah Rendah Lumapas

Nama : Nur Basirah Ronni
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0116485. Sekolah : Sekolah Rendah Lumapas

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 143

- A - 1552
- A - Baju Cara Melayu
- A - Penjara

INDONESIA PERLUKAN 4 JUTA TAN BERAS UNTUK PROGRAM MAKAN BERKHASIAH PERCUMA



SEORANG petani memegang biji padi selepas menuai di sawah di Kampung Krueng Seupeng di Kabupaten Aceh Utara, Provinsi Aceh, Indonesia.

JAKARTA, 4 Mac. - Kerajaan Indonesia berkata bahawa negara itu memerlukan sekurang-kurangnya 4 juta tan beras untuk menyokong program makanan berkhasiat percuma, yang bertujuan memberi manfaat kepada 82.9 juta orang pada Isnin.

Menteri Koordinator Hal Ehwat Makanan Indonesia, Zulkifli Hasan menyatakan bahawa lebih ramai penerima bantuan yang dimasukkan dalam program itu, lebih banyak bahan mentah diperlukan untuk makanan yang diagihkan kepada pelajar di sekolah.

"Jika kita perlu memberi makan kepada 82.9 juta orang, kita akan memerlukan sekitar 4 juta tan beras," kata Hasan pada

sidang media di Bangunan Graha Mandiri di Jakarta.

Mengenai bahan mentah, Hasan menyatakan bahawa setiap wilayah mempunyai keperluan dan ramuan yang berbeza. Sebagai contoh, Jawa memerlukan sejumlah besar ayam untuk program ini,

manakala wilayah lain memerlukan ikan.

Program makanan berkhasiat percuma itu merupakan keutamaan utama kerajaan Indonesia dengan matlamat untuk meningkatkan pemakanan rakyat, khususnya pelajar, di seluruh 38 wilayah negara itu. - ©XINHUA

Gabenor South Carolina isytihar darurat susulan kebakaran hutan

ISTANBUL, 3 Mac - Gabenor Henry McMaster mengisytiharkan darurat pada Ahad susulan kebakaran hutan di negeri South Carolina, Amerika Syarikat.

Pasukan bomba sedang giat berusaha mengawal kebakaran, lapor Anadolu Ajansi memetik NBC News.

Rakaman video yang dikongsi di media sosial menunjukkan langit bertukar jingga apabila kebakaran melanda hutan Carolina di kawasan Myrtle Beach.

McMaster berkata lebih 175 kebakaran sedang berlaku di beberapa daerah termasuk Horry, Spartanburg, Union, Oconee dan Pickens, melibatkan kawasan seluas 4,200 ekar.

"Perisytiharan darurat memastikan pasukan penyelamat yang bertungkus-lumus dan mempertaruhkan nyawa mereka untuk melindungi masyarakat daripada kebakaran ini mendapat sumber yang diperlukan.

"Situasi kebakaran memerlukan larangan pembakaran di seluruh negeri terus dikuat kuasa sehingga diberitahu kelak. Mereka yang melanggar larangan ini akan dikenakan tindakan undang-undang," katanya dalam satu kenyataan.

Suruhanjaya Perhutanan South Carolina memaklumkan bahawa daerah Horry menerima bantuan daripada rakan kerjasama negeri, termasuk pesawat yang digunakan untuk memadamkan kebakaran.

Seramai 410 anggota penyelamat serta sekurang-kurangnya 128 aset dikerahkan dalam operasi ini.

Pemindahan turut dilaksanakan dengan kira-kira 135 penduduk berlindung di Pusat Rekreasi Carolina Forest di Horry County, menurut Palang Merah South Carolina.

"Kakitangan akan terus bersiap siaga sehingga kebakaran dapat dikawal sepenuhnya," menurut Suruhanjaya Perhutanan South Carolina di platform X.

Setakat ini, tiada kecederaan atau kerosakan struktur dilaporkan. Rakaman video dari udara menunjukkan situasi kebakaran dari perspektif pesawat.

Perintah pemindahan turut dikeluarkan untuk beberapa kejiranan di kawasan Myrtle Beach, termasuk Spring Lake, Waterford serta Avalon.

Suruhanjaya itu menggesa penduduk supaya segera berpindah sekiranya diarahkan.

"Orang ramai yang melalui kawasan Carolina Forest diminta berhati-hati kerana asap mungkin menjejaskan jarak penglihatan, terutama pada waktu malam," menurut kenyataan suruhanjaya itu. - ©BERNAMA

Beberapa sekolah di Filipina ditutup akibat cuaca panas melampau

MANILA, 3 Mac. - Beberapa sekolah di Manila menangguhkan sesi persekolahan pada Isnin susulan suhu dijangka mencecah sehingga 42 darjah Celsius, lapor Philippine News Agency.

Datuk Bandar Manila, Honey Lacuna dalam satu hantaran di media sosial berkata keputusan itu dibuat berdasarkan saranan Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Manila.

"Menurut ramalan cuaca Pejabat Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Manila (MDRRMO), indeks haba di Manila pagi ini dijangka antara 36 hingga 38 darjah Celsius, dengan 42 darjah Celsius sekitar 2.00 petang," katanya.

Lacuna turut menasihatkan orang ramai untuk minum air

yang mencukupi bagi mengelakkan strok haba dan masalah kesihatan lain.

Selain Manila, sekolah awam dan swasta di Malabon, Las Pinas, Paranaque dan Marikina turut menangguhkan sesi persekolahan.

Sementara itu, di Valenzuela dan Caloocan, hanya sekolah awam dari peringkat tadika hingga sekolah menengah atas yang terlibat dalam penutupan.

Pentadbiran Perkhidmatan Atmosfera, Geofizik dan Astronomi Filipina memaklumkan selain Science Garden dan Lapangan Terbang Clark, Universiti Negeri Luzon Tengah di Munoz, Nueva Ecija dijangka mencatat indeks haba 45 darjah Celsius pada Isnin. - ©BERNAMA

Eropah hadapi ujian keselamatan sekali dalam satu generasi, kata PM UK

LONDON, 3 Mac. - Perdana Menteri United Kingdom (UK) Keir Starmer menyifatkan situasi semasa sebagai "satu ketika sekali dalam satu generasi bagi keselamatan Eropah", lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam ucapan pembukaannya pada Sidang Kemuncak Ukraine di London, beliau menegaskan komitmen UK untuk terus menyokong Kyiv dalam peperangan berterusan dengan Rusia.

"Kami semua bersama anda, bersama Ukraine, selama mana yang diperlukan," katanya, sambil menekankan kepentingan solidariti dengan Ukraine dalam tempoh kritikal ini.

Starmer menegaskan bahawa akibat daripada konflik ini bukan

sekadar persoalan moral antara benar dan salah, tetapi isu penting bagi keselamatan semua negara Eropah.

"Mendapatkan hasil yang baik untuk Ukraine adalah penting bagi keselamatan setiap negara di sini, dan banyak lagi yang lain," katanya.

Terdahulu, beliau mengadakan perbincangan dengan pemimpin negara Baltik, mengakui kerentanan mereka serta peranan penting mereka dalam perbincangan keselamatan Eropah secara keseluruhan.

Sebagai sebahagian daripada kepimpinannya dalam sidang kemuncak itu, Starmer menyatakan hasratnya untuk merangka plan komprehensif bagi masa depan Ukraine, yang

kemudian akan dibincangkan dengan Amerika Syarikat bagi memastikan pendekatan global yang bersepadu.

"Kami akan mengusahakan pelan untuk Ukraine dan melaksanakannya bersama," katanya.

Perbincangan sidang kemuncak ini akan tertumpu kepada usaha mencapai "keamanan yang adil dan berkeadilan" di Ukraine, menurut Starmer.

Beliau turut menegaskan bahawa meskipun Rusia sering mengutarakan retorik mengenai keamanan, tindakan mereka di lapangan - khususnya "pencerobohan berterusan" - membuktikan bahawa sokongan kepada Ukraine mesti diteruskan. - ©BERNAMA

EU sekali lagi tingkatkan kebergantungan kepada baja Rusia - Eurostat

MOSCOW, 3 Mac. - Kesatuan Eropah (EU) yang sebelum ini mengurangkan import baja dari Rusia selama dua tahun, kini kembali meningkatkan kebergantungan terhadapnya, dengan jumlah import tahun lepas melonjak ke paras tertinggi sejak 2021, menurut analisis RIA Novosti berdasarkan data Eurostat.

Sejak sekatan terhadap Rusia dikenakan, negara-negara EU telah mengurangkan import baja Rusia dengan ketara, berkurang 20.5 peratus pada 2022 dan susut lagi 8.2 peratus pada 2023. Ini menjadikan jumlah pembelian pada 2023 berada pada paras terendah dalam tempoh 11 tahun,

iaitu hanya 3.9 juta tan.

Bagaimanapun, berlaku perubahan mendadak dalam pembelian EU apabila import baja dari Rusia meningkat satu perempat daripada jumlah sebelumnya, hampir sepenuhnya mengimbangi penurunan selama dua tahun. Secara keseluruhan, sebanyak 4.93 juta tan baja diimport sepanjang tahun lepas, berbanding 5.37 juta tan pada 2021.

Pada masa yang sama, bukan sahaja jumlah pembelian meningkat, malah bahagian baja Rusia dalam jumlah import keseluruhan EU turut bertambah. Jika sebelum ini bahagiannya sekitar 23.5 peratus pada 2022 dan

2023, ia meningkat kepada 27.4 peratus pada 2024.

Faktor utama yang mendorong negara-negara EU menghentikan dasar pengurangan import baja dari Rusia ialah harga gas yang tinggi bagi pengeluaran tempatan.


Import berterusan ini, dalam keadaan pengeluaran tempatan yang semakin merosot, mungkin juga berkait dengan pengurangan jumlah ladang di EU. Menurut data terkini, jumlah ladang di EU pada 2020 adalah 9.1 juta berbanding 10.5 juta pada 2016. Pada masa yang sama, hasil pertanian mencatatkan penurunan untuk tahun kedua berturut-turut menjelang 2024. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



BRUNEI DPMM FC BERJAYA TUMPASKAN ALBIREX NIIGATA (S)



ANTARA aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Albirex Niigata (S) yang berkesudahan dengan keputusan 3 - 1 pada perlawanan Piala Singapura.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Mohd. Said, Tangkap Layar
YouTube Singapore Premier League

SINGAPURA, Isnin, 3 Mac. - DPMM FC berjaya menumpaskan Albirex Niigata (S) terpaksa pasukan berkenaan dengan berputih mata setelah Brunei keputusan 3 - 1 pada perlawanan

Piala Singapura yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura malam tadi.

Pada awal perlawanan, kedua-dua pasukan saling berbalas serangan untuk mencari penyudah di depan gawang malah Albirex Niigata (S) lebih menguasai perlawanan dengan berjaya membuat beberapa serangan bahaya tetapi nasib tidak menyebelahi untuk menghasilkan gol.

Aksi Brunei DPMM FC mula menggegarkan gawang pasukan lawan dan berjaya memecah kebuntuan pada minit ke-29 menerusi jaringan Davis Ikaunieks melalui hantaran yang dibuat oleh Gabriel Gama da Silva.

Perlawanan juga terpaksa ditangguhkan beberapa kali berikutan beberapa pemain dari kedua-dua pasukan mengalami kecederaan dan terpaksa melakukan beberapa pertukaran pemain.

Walau bagaimanapun, Albirex Niigata (S) menunjukkan reaksi yang gusar dan resah kerana masih belum berjaya menjaringkan sebarang gol sehingga menyebabkan mereka

melakukan beberapa serangan keras ke atas pemain Brunei DPMM FC, namun masih gagal menjaringkan sebarang gol sehingga wisel penamat babak pertama dibunyikan.

Memasuki babak kedua perlawanan, Brunei DPMM FC terus-menerus diasak oleh pasukan lawan yang berusaha untuk menjaringkan gol namun berjaya dikawal dan dipintas oleh barisan pemain pertahanan dan penjaga gol Brunei DPMM FC yang berjaya mengatur permainan dengan bijak.

Pada minit ke-72 perlawanan, Brunei DPMM FC sekali lagi berjaya mendominasi permainan dengan menggandakan jaringan melalui tandukan pemain jersi 19, Nurikhwan Othman dan menjadikan kedudukan 2 - 0.

Selang beberapa minit, terdapat sedikit kekurangan prestasi permainan Brunei DPMM FC apabila mereka agak sukar untuk mengimbangi perlawanan menentang Albirex Niigata FC (S), sehingga menyebabkan pasukan lawan berjaya menjaringkan gol pertama mereka melalui hasil jaringan pemain licik mereka, Shingo Nakano pada minit ke-80.

Walau bagaimanapun, semangat juang Brunei DPMM FC di bawah jurulatih, Jamie McAllister tetap tidak mahu mengalah apabila pemain licik pasukan, Davis Ikaunieks sekali lagi berjaya menjaringkan gol ketiga bagi Brunei DPMM FC pada minit ke-88 dan sekali gus mengundang ketegangan bagi para pemain Albirex Niigata (S).

Dengan masa tambahan lima minit, Albirex Niigata (S) kerap melakukan serangan balas yang bertubi-tubi, namun peluang yang ada gagal dimanfaatkan untuk menambah sebarang gol bagi pasukan mereka sehingga akhirnya wisel penamat babak terakhir perlawanan dibunyikan pada minit ke-97 dengan menjadikan kedudukan 3-1 yang berpihak kepada Brunei DPMM FC.

Dengan kemenangan itu, Brunei DPMM FC kekal menduduki tangga pertama bagi Kumpulan 'A', diikuti dengan Tampines Rovers FC yang menduduki tempat kedua dan Brunei DPMM FC juga dijangka akan bertemu dengan Young Lions pada 8 Mac nanti di Stadium Jalan Besar, Singapura.

Messi tersenarai dalam skuad sementara Argentina untuk kelayakan Piala Dunia

BUENOS AIRES, 4 Mac. - Lionel Messi terus menjadi sandaran Argentina apabila namanya tersenarai dalam skuad sementara bagi aksi kelayakan Piala Dunia 2026 menentang Uruguay dan Brazil, lapor Xinhua.

Senarai awal yang diumumkan Persatuan Bola Sepak Argentina (AFA) di laman rasmi mereka turut menyaksikan kehadiran dua muka baharu, Claudio Echeverri (Manchester City) dan Santiago Castro (Bologna).

Bagaimanapun, Marcos Acuna tidak disenaraikan kali ini selepas mempamerkan aksi hambar bersama River Plate dalam saingan liga utama Argentina.

Skuad kendalian Lionel Scaloni bakal berdepan Uruguay di Montevideo pada 21 Mac sebelum menerima kunjungan Brazil di Buenos Aires empat hari kemudian.

Sebagai juara bertahan Piala Dunia dan Copa America, Argentina kini mengungguli carta kelayakan zon Amerika Selatan dengan 25 mata daripada 12 perlawanan, lima mata di hadapan Uruguay yang berada di tangga kedua. - ©BERNAMA

Kelemahan mental punca beregu pelapis lelaki tersingkir awal - Herry

KUALA LUMPUR, 3 Mac. - Pemain pelapis beregu badminton lelaki negara memerlukan kekuatan mental yang tinggi untuk bersinar di pentas antarabangsa selepas menyaksikan satu demi satu gagal melangkah ke final dalam Cabaran Antarabangsa Sri Lanka 2025 yang berakhir semalam.

Ketua jurulatih beregu lelaki kebangsaan, Herry Iman Pierngadi berkata beliau tidak menolak kemungkinan kekurangan itu menjadi faktor pemain dihantar tidak berupaya mencontohi langkah positif pemain senior mereka.

"Saya memerlukan masa untuk ubah sedikit cara mereka bermain. Kalau tengok pada latihan memang mereka tunjuk peningkatan namun ia berbeza semasa bertanding.

"Saya perlu analisis semula perkara itu

kerana kemungkinan kekuatan mental mereka menurun semasa bertanding," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Kem badminton menghantar enam beregu lelaki namun kesemuanya gagal melangkah ke aksi final kejohanan itu yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan US\$17,500 (kira-kira RM78,091).

Bagaimanapun, Malaysia tidak pulang tangan kosong selepas perseorangan profesional lelaki, Aidil Sholeh Ali Sadikin menjadi wakil tunggal negara muncul juara Cabaran Antarabangsa itu.

Pemain ranking ke-68 dunia itu hanya memerlukan 47 minit untuk menewaskan pemain nombor 210 dunia dari India, Pranay Katta 21-19 21-15 dalam aksi final di Kompleks Sukan St. Joseph, Colombo. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN AMAL IBADAT, MANTAPKAN IMAN DAN BERSIHKAN DIRI DARIPADA PERBUATAN MAKSIAT